




Selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara mendukung usaha kerajaan memperkasa IPT dalam membangunkan modal insan minda kelas pertama

# HALA TUJU DAN RANCANGAN STRATEGIK UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA 2008-2020



# HALA TUJU DAN RANCANGAN STRATEGIK UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA 2008 – 2020

*Melakar Kecemerlangan  
Menempa Kegemilangan  
Bertekad Terbilang*



# USIM

**HALA TUJU DAN RANCANGAN STRATEGIK USIM**  
telah diserahkan kepada  
**YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA**  
pada  
**25 NOVEMBER 2008**



# **Hala Tuju Dan Rancangan Strategik UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA 2008 – 2020**

*Melakar Kecemerlangan  
Menempa Kegemilangan  
Bertekad Terbilang*

**Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
2008**



**CETAKAN PERTAMA 2008**

© Hak Cipta Terpelihara  
Universiti Sains Islam Malaysia  
2008

Tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:  
Penerbit USIM  
Bandar Baru Nilai  
71800 Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: 06-798 8226 Faks: 06-798 6083

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Universiti Sains Islam Malaysia

Hala tuju dan rancangan strategik Universiti Sains Islam Malaysia 2008-2020 : melakar kecemerlangan menempa kegemilangan bertekad terbilang.

ISBN 978-983-2950-90-5

1. Universiti Sains Islam Malaysia.      2. Education, Higher--Aims and objectives--Negeri Sembilan--Nilai.

3. Universities and colleges--Negeri Sembilan--Nilai.

I. Title.


378595117





# ISI KANDUNGAN

• Kata Alu-Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi	.....8
• Kata Alu-Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia	.....9
• Kata Alu-Aluan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia	.....10
• Prakata	.....12
• Pendahuluan	
- Senario	.....17
- Peluang dan Cabaran	.....18
- Visi, Misi dan Matlamat USIM	.....19
• Tekad Strategik	.....20
• Teras Strategik	.....21
• Akses dan Ekuiti	.....23
• Program Pengajian	.....25
• Pengajaran dan Pembelajaran	.....27
• Budaya Akademik-3PK	.....37
• Pusat Kecemerlangan (COE)	.....41
• Modal Insan	.....45
• Sistem Pentadbiran dan Tadbir Urus	.....51
• Menyempurnakan Prasarana dan Fasiliti	.....55
• Pelan Tindakan Jangka Pendek	.....59



# KATA ALU-ALUAN

KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته


Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesempatan yang diberikan bagi menulis kata alu-aluan untuk Buku Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM 2008-2020. Pelaksanaan Pelan Strategik yang sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara adalah inisiatif penting untuk membawa USIM ke peringkat global.

Penggubalan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan satu pelan jangka panjang dalam memantapkan modal insan yang merupakan aset penting Negara. Ini merupakan peletakan asas dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju pada tahun 2020. Untuk terus kompetitif dalam suasana pasaran yang sentiasa berubah, nilai tambah perlu digarap dalam pembangunan institusi pengajian tinggi Negara.

Adalah diharapkan PSPTN dapat dijadikan landasan oleh semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam melaksanakan program seperti dirancang. Pelan Strategik Universiti hendaklah selari dengan PSPTN bagi menyokong usaha kerajaan dalam memperkasakan IPT di Malaysia.

Akhir kata, saya menyeru semua pihak agar bersama-sama berpadu tenaga dalam menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Tanggungjawab perlu digalas oleh semua pihak dan tidak hanya di bahu kerajaan sahaja. Bersama-samalah kita berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang mempunyai modal insan minda kelas pertama.

Salam Hormat,



**DATUK DR. ZULKEFLI A. HASSAN**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته


Penggubalan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan satu anjakan dalam memperkasakan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Malaysia sebuah Negara membangun memerlukan insan yang berdaya saing dan inovatif dalam memastikan Negara mencapai taraf Negara maju. Dalam melahirkan insan yang cemerlang, mutu pendidikan menjadi agenda utama dalam pembangunan Negara. Universiti bukan sekadar tempat menimba ilmu malah sebagai tempat menggerakkan kekuatan minda untuk membangunkan sesuatu tamadun dalam memastikan kelangsungan hidup pada masa depan.

Sesungguhnya, PSPTN ini penting dalam mentransformasikan pengajian tinggi Negara. Namun, usaha ini bukan sahaja tergalas di bahu kerajaan malah menjadi tanggungjawab semua. Oleh itu, USIM perlu menggembelng tenaga dan usaha dalam memastikan Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM berjalan lancar dan selari dengan PSPTN.

Saya yakin bahawa Pelan Tindakan komprehensif USIM ini akan dapat memperteguh pencapaian institusi pengajian tinggi Negara.

Akhir kata, sekalung penghargaan diucapkan kepada ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menyiapkan Buku Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM 2008-2020. Tidak lupa juga kepada semua warga USIM yang sudi menyumbang idea dan tenaga bagi membantu memantapkan kandungan buku ini.

Wassalam.



**TAN SRI DR MOHAMAD YUSOF NOOR**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya menerbitkan Buku Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM 2008-2020.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa terlibat terutamanya Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat kerana berjaya membukukan dokumen Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM 2008-2020. Tidak lupa juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan USIM yang telah bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dalam menjayakan Bengkel Pelan Strategik USIM yang telah diadakan pada Disember 2007 lalu.


Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara merupakan misi kerajaan dalam mentransformasikan pengajian tinggi supaya berada di landasan yang kukuh dan menjadikan Malaysia sebagai salah satu hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Transformasi ini merupakan peletakan asas ke arah kegemilangan dan kecemerlangan pengajian tinggi melangkaui tahun 2020. Untuk itu, usaha keras dan komitmen daripada semua pihak amatlah perlu dalam menjayakan misi ini.

USIM menyambut baik usaha kerajaan dalam memperkasakan institusi ilmu di Malaysia supaya menjadi institusi pilihan di dalam dan luar negara. Menyedari betapa pentingnya perancangan dalam menentukan hala tuju Universiti dan melihat kepada signifikan dalam memastikan perancangan berjalan lancar serta berada di landasan yang betul, maka dokumen ini dibukukan untuk dijadikan asas panduan kepada semua warga Universiti.


Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus dalam menghasilkan Buku Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM 2008-2020. Komitmen yang jitu dan keazaman yang utuh daripada seluruh warga USIM amat diperlukan dalam merealisasikan kejayaan Pelan Strategik ini.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,



**PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HAJI HUSIN**



## PRAKATA

Usaha untuk membukukan dokumen Hala Tuju dan Rancangan Strategik Universiti Sains Islam Malaysia 2008-2020 melibatkan kerjasama yang erat antara pelbagai pihak. Selepas pelancaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Ogos 2007, beberapa siri perundingan telah dilakukan. Wakil Kementerian Pengajian Tinggi telah dijemput untuk memberi penjelasan lanjut tentang PSPTN dan pendekatan untuk menyediakan rancangan strategik yang sejajar dengan PSPTN.

Seterusnya USIM telah menganjurkan Bengkel Pelan Strategik bermula dari 30 November hingga 2 Disember 2007 bertempat di Hotel De Palma Ampang. Peserta bengkel terdiri daripada Y. Bhg Dato' Naib Canselor, ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan Universiti, Dekan-Dekan, Profesor-profesor, Pengarah-Pengarah serta pegawai-pegawai kanan lain. Pendekatan yang diambil adalah menjajarkan visi, misi dan matlamat USIM dengan teras-teras utama PSPTN sebagai peletakan asas transformasi USIM menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam.

Dokumen Hala Tuju dan Rancangan Strategik ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti. Tema teras yang dipilih adalah "Melakar Kecemerlangan, Menempa Kegemilangan, Bertekad Terbilang". Fokus universiti pada lima tahun pertama penubuhannya adalah membina tapak dan membangunkan program. Pada lima tahun kedua pula fokus universiti adalah memperkukuhkan program akademik yang sedia ada serta membangun dan menawarkan program baru berpandukan kepada keperluan pasaran dan pengukuhan bidang setara. Fokus seterusnya adalah membina reputasi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Y. Bhg Tan Sri Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan ahli Lembaga Pengarah Universiti, Y. Bhg Dato' Naib Canselor serta Pengurusan Tertinggi Universiti, Pegawai-pegawai kanan universiti dan semua yang terlibat atas input dan sokongan yang telah diberi untuk menghasilkan dokumen ini.

**Muhamad Muda**

**Hajah Mustafa Mohd Hanefah**

**Mohammad Haji Alias**

**Asmaddy Haris**

**Norman Hamdan**

# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**PENGERUSI**

Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor



**AHLI**

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin



**AHLI**

Y. Bhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri



**AHLI**

Y. Bhg. Dato' Mohamed Dahan Abdul Latiff



**AHLI**

Y. Bhg. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh



**AHLI**

Y. Bhg. Dato' Ishak Sahari



**AHLI**

En. Omar Abd Rahman



**AHLI**

Tuan Syed Azmi Syed Hamid



**SETIAUSAHA**

Tuan Hj Addenan Hj. Abd. Rahman

# MESYUARAT PENGURUSAN UNIVERSITI



Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin



Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda



Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah



Tuan Hj Addenan Hj. Abd. Rahman



Puan Hajjah Rohani Abu



Encik Jasmin Jaimon



Ir. Daim Saian





# PELAN TINDAKAN PENGGAJIAN TINGGI NEGARA 2007-2010




## BAB 1: PENDAHULUAN

## 1.1 Senario

- Inisiatif dan usaha bersungguh-sungguh dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) untuk membangunkan sektor pengajian tinggi. Sasaran KPTM adalah untuk menjadikan negara ini bukan sahaja sebagai **hab kecemerlangan pendidikan di peringkat serantau** malah di peringkat dunia dalam membina **modal insan minda kelas pertama**.
- Desakan mencapai hasrat tersebut dilandaskan dengan hala tuju yang jelas, disediakan oleh KPTM melalui **Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara: Melampaui 2020** (PSPTN) dan **Pelan Tindakan Rancangan Strategik 2007-2010**. PSPTN memberi hala tuju jangka panjang untuk pendidikan berkualiti dan akses yang lebih baik. Pelan ini mendukung teras Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 dan Wawasan 2020; Halatuju (Wan Zahid); dan Laporan JK Transformasi.
- Pelan ini memberi penekanan terhadap keberkesanan dan kecekapan pengurusan berasaskan *key performance indicators* (KPI) dan diterjemahkan melalui sistem penarafan nasional (SETARA) dan antarabangsa (THES).
- Perlumbaan sengit di kalangan IPT untuk membina jenama bagi menarik calon pelajar cemerlang dibatasi oleh kekurangan sumber tenaga pensyarah berwibawa dan berkemampuan.

- Terdapat perkembangan pesat dalam sektor ekonomi dari segi kegiatan berasaskan syariah – kewangan, perbankan, pembuatan (hab halal), perkhidmatan (profesional) – dipacu oleh peluasan pasaran yang meliputi golongan Muslim dan bukan Muslim. Perkembangan ini meluaskan lagi pasaran pekerjaan yang bersesuaian untuk graduan tulusan pengajian yang berteraskan pendidikan Islam.
- Terdapat kesedaran yang amat tinggi di kalangan masyarakat terhadap nilai pendidikan Islam dipandu oleh usaha bersungguh-sungguh kerajaan melalui konsep Islam Hadhari dan pembangunan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama.
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mempunyai wawasan untuk memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan telah mula m e n d a p a t tempat dari segi nama dan kepercayaan masyarakat dan kerajaan. Universiti ini sudah bersedia untuk menyampaikan pendidikan berteraskan pengajian Islam yang berkualiti dan relevan kepada keperluan pasaran serta pemilik taruh.



## 1.2 Peluang dan Cabaran

- Nama USIM sudah menjadi sebutan dan boleh menjadi satu jenama yang dikenali di dalam dan luar negara. Lokasi USIM di Bandar Baru Nilai amat strategik. USIM bersebelahan dengan Lebuhraya Utara-Selatan PLUS dan berhampiran dengan KLIA/LCCT, Putrajaya dan Cyberjaya. Lokasi strategik ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Usaha penjenamaan yang sistematik harus dilaksanakan.
- Usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat serantau untuk kecemerlangan pendidikan melalui perkongsian pintar IPTA dan IPTS dengan universiti-universiti terkenal dari luar negara boleh dimanfaatkan oleh USIM.
- Purata pengalaman mengajar bagi 80% kakitangan akademik ialah 3 tahun. Kemahiran dan keupayaan tenaga pengajar ini perlu ditingkatkan dalam jangka masa singkat dan secepat mungkin.



- Tenaga muda yang mempunyai komitmen yang tinggi harus diberikan dorongan dan sokongan untuk mereka membangunkan diri dan membentuk kesetiaan agar dapat menyumbang kepada USIM dengan lebih berkesan dan bermakna.
- Kebanyakan program yang ada merupakan program “perintis”, terkehadapan dan mempunyai imej positif yang tersendiri (unik). Ini merupakan peluang untuk mengukuhkan kedudukan.
- Aktiviti penyelidikan dan persidangan di kalangan pensyarah perlu dibudayakan sebagai salah satu aspek kemahiran dan pembangunan akademik.
- Bidang penerbitan perlu dikukuhkan lagi dan pencapaian baik semasa harus ditingkatkan. Usaha-usaha penerbitan perlu lebih menjurus kepada bidang bitara (niche areas).
- Bidang khidmat masyarakat perlu diperkemas agar memberikan impak yang besar berbanding usaha yang dicurahkan.
- Sistem penyampaian perlulah setanding dengan hasrat USIM untuk menjadi sebuah IPT unggul.
- Sistem pentadbiran harus sepenuhnya dilaksanakan berasaskan amalan terbaik (*best practices*).
- Kemampuan dan keupayaan modal insan (tenaga akademik) harus berada pada tahap terkini.
- Kelayakan dan pencapaian calon-calon (*input*) pelajar harus sesuai dengan matlamat pendidikan USIM.

### 1.3 Visi, Misi Dan Matlamat USIM

- Penetapan pernyataan Visi, Misi dan Matlamat USIM berlandaskan kepada falsafah pendidikan USIM iaitu **“integrasi ilmu aqli dan naqli serta budi pekerti yang mulia adalah asas untuk melahirkan generasi yang berilmu”**. Idea yang mendasari falsafah ini berasaskan kepada dua perkara. Pertama, sebelum penubuhan USIM (awalnya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia) akses ke pengajian tinggi untuk pelajar-pelajar lulusan persekolahan aliran Islam sangat terhad. Jika mereka ingin melanjutkan pengajian, pilihan mereka terhad kepada pengajian Islam sahaja seperti Syariah, Usuluddin dan pengajian Al-Quran dan Sunah.
- Kedua, terdapat kekeliruan di kalangan ahli masyarakat tentang pengertian sebenar Islam dan skop pengajian Islam. Justeru, perlu kepada satu anjakan paradigma dalam bidang pengajian Islam, apakah skopnya dan sama ada ianya merentasi bidang-bidang lain atau tidak.
- USIM ditubuhkan untuk membawa satu pembaharuan dalam pengajian Islam yang menekankan bukan sahaja kepada teori tetapi juga amali. Program yang ditawarkan merentasi semua cabang ilmu pengetahuan. Pelaksanaan program akademik khususnya pengajaran dan pembelajaran yang berintegrasi dengan aktiviti penyelidikan mampu melahirkan profesional Muslim dan ulama. Penekanan yang diberi kepada penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris serta kemahiran dalam ilmu teknologi maklumat, pengurusan serta kemahiran insaniah

melalui pelbagai program ko-kurikulum bagi pelajar daripada semua bidang pengajian menjadikan pendekatan USIM unik dan terkehadapan.

- Visi, Misi dan Matlamat USIM adalah seperti berikut:

#### VISI

**Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan**

#### MISI

**Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam**

#### MATLAMAT

- 1. Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.**
- 2. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.**
- 3. Membina kesepaduan antara ilmu dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dilahirkan.**
- 4. Melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.**

**5. Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.**



- **UNIVERSITI APEX:** KPTM telah melancarkan program pencarian dan pemilihan IPT APEX yang berpotensi untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia dalam masa 10 tahun. Pemantapan dan pengukuhan pusat-pusat kecemerlangan dijadikan sebagai landasan untuk mencapai taraf sebagai sebuah universiti penyelidikan (RU) dan kemuncaknya sebagai sebuah universiti APEX.
- **SETARA:** Pelaksanaan sistem penarafan IPTA yang bertujuan untuk menilai kualiti dan daya saing sesebuah universiti. IPTA perlu akur dengan parameter yang ditetapkan oleh Malaysian Qualifications Agency yang melaksanakan Malaysian Qualifications Framework dan jaminan kualiti. IPTA dikehendaki memperkasakan unit jaminan kualiti masing-masing untuk membuat penilaian sendiri dan melaksanakan budaya prestasi tinggi.
- **PROSES EVOLUSI:** Fokus universiti bagi 5 tahun kedua penubuhannya adalah untuk memperkukuhkan program akademik yang sedia

#### 1.4 Tekad Strategik

- Tekad Strategik USIM berpandukan kepada beberapa faktor pendorong seperti berikut:
  - **MISI UNIVERSITI:** Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.



ada. Pembangunan dan penawaran program-program baru berpandukan kepada keperluan pasaran dan pengukuhan bidang bitara (niche areas).

#### - **MENJADIKAN USIM SEBAGAI PILIHAN PERTAMA:** Mensasarkan pertama; graduan USIM sebagai pilihan pertama majikan dan mereka diberi premium dan kedua; USIM menjadi pilihan utama calon pelajar cemerlang dari dalam dan juga luar negara.

- USIM mensasarkan pencapaian tahap “**5 bintang**” pada tahun 2012 di bawah **SETARA**, pencapaian positif di bawah *Track 2* permohonan Universiti APEX iaitu penerimaan dan pengiktirafan tiga pusat kecemerlangan USIM menjelang 2010 dan universiti tersenarai sebagai Universiti berwibawa dan terkemuka di rantau ini pada tahun 2020.
- USIM diiktiraf sebagai pelopor kepada **Pendidikan** berteraskan pengajian Islam yang diterima ke dalam arus perdana pendidikan negara.



- Graduan USIM **dicari** majikan, dibayar premium dan menjawat jawatan utama dalam organisasi awam dan swasta.
- USIM menjadi pilihan utama calon pelajar cemerlang sama ada dari dalam atau dari luar negara.
- USIM mempunyai jaringan dan perkongsian bestari dengan IPT dan institusi tersohor dari luar negara dan dari setiap benua. Jaringan antarabangsa adalah satu unsur penting dalam proses pengantarabangsaan yang boleh memberi nilai tambahan kepada kemahiran staf dan pelajar universiti.
- Sekurang-kurangnya lima peratus (5%) pensyarah dan penyelidik USIM diiktiraf antarabangsa.

### 1.5 Teras Strategik





Tuanku Canselor bergambar kenangan bersama pelajar antarabangsa USIM.

## BAB 2: AKSES DAN EKUITI

- Perluasan akses dan ekuiti pengajian tinggi adalah salah satu daripada tujuh teras PSPTN dan selari dengan meritokrasi. Enrolmen dalam universiti dijangka akan meningkat terutamanya dengan siapnya tiga buah IPTA yang baru (UDM, UMK dan UPNM). Penyertaan dalam pengajian tinggi ditingkatkan melalui kepelbagaian bakat dan keupayaan akademik, menjangking akses menerusi program sedia ada dan baharu. Peningkatan akses selaras dengan perancangan untuk meningkatkan tenaga pekerja berpendidikan tinggi kepada 33 peratus, seperti diunjurkan oleh Unit Perancang Ekonomi (2007) menjelang tahun 2020. Peningkatan enrolmen juga mengambil kira aspek ekuiti dari segi mengurangkan jurang kelas sosial, gender, umur, etnik, wilayah dan keupayaan fizikal.
- Selaras dengan ini, USIM mensasarkan enrolmen sebanyak 16,000 orang pelajar pada tahun 2020 dengan pecahan

60% peringkat sarjana muda dan 40% peringkat ijazah lanjutan.

- Meningkatkan bilangan calon kemasukan yang mempunyai **kelayakan terbaik** dari saluran SMA. 50% kemasukan daripada lulusan Tamhidi USIM.
- Meluaskan peluang calon SMA untuk memasuki program-program kritikal, S&T, dan "High Exchange" (tidak tertumpu kepada bidang pendidikan Islam **tradisional** sahaja).
- Memberikan persediaan secukupnya dari **peringkat sekolah** lagi.
- Memberikan kemudahan dan persediaan yang secukupnya di **peringkat pra-Universiti** (Tamhidi).





**BAB 3: PROGRAM PENGAJIAN**

- Memfokuskan kepada pascasiswazah (40%) – berasaskan penyelidikan.
- Menyediakan lebih banyak program berdaya maju dan berciri 'high exchange' – berbidang luas, teras pendidikan Islam dan kontemporari.
- Memantapkan kandungan kemahiran insaniah (KI) dalam setiap program.
- Mencapai tahap jaminan kualiti dan mendapat pengiktirafan badan profesional atau industri.
- Kurikulum yang mencapai tahap antarabangsa (layak pemindahan kredit untuk pelajar/program antarabangsa).
- Berupaya melahirkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan Islam, mampu memimpin masyarakat majmuk, mempunyai potensi tinggi untuk menjadi pemimpin dan menerajui pembangunan Negara.

**3.1 Pengembangan Program Pengajian**

- Pembangunan program baru peringkat prasiswazah
- **Menepati kehendak pasaran modal insan dan industri**
- 'Low exchange' vs. 'High exchange'
- **Program berdaya maju diangkat menjadi program "mercu tanda".**

- Pembangunan program Siswazah
  - **Sinergi dan memperkayakan penyelidikan**
  - **Tarikan antarabangsa**
  - **Pengukuhan modal insan melalui program kerja kursus**
  - Pengembangan antarabangsa
  - **Pengambilan calon antarabangsa**
  - **Program pertukaran pelajar (ke dalam dan ke luar) (UMAP)**
  - **Program pemindahan kredit (credit transfer)**
- Matlamat 2012**



## Program Akademik

- **Menyajikan sekurang-kurangnya 30 program yang berteraskan pengajian Islam, berfokus, dan 'high exchange'**
- **Memberi ruang 15% untuk program 'low exchange' – (program nilai ilmu (for knowledge sake))**

- Setiap fakulti mempunyai sekurang-kurangnya satu “program pengajian tanda aras” (*benchmark program*) sama ada di peringkat prasiswazah mahupun pascasiswazah.
- Mencapai sasaran nisbah 70:30 antara program pengajaran (pra-siswazah) dan program pasca siswazah (MA & PhD) – kerja kursus dan/atau berasaskan penyelidikan.



## BAB 4: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- Penyelidikan, penerbitan, dan pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah tiga faktor yang menjadi kekunci kejayaan USIM dalam usaha membina reputasi sebagai sebuah IPT yang berwibawa. Ketiga-tiga faktor tersebut juga merupakan teras *bisnes* USIM.
- Mencapai kecemerlangan P&P sebagai salah satu faktor kelebihan kompetitif adalah matlamat utama strategi ini. USIM ingin mencapai tahap reputasi P&P antara yang tertinggi di kalangan IPT dalam negara.
- Bidang pendidikan kini adalah bidang kreatif yang mementingkan kreativiti di samping penyajian program pengajian yang bersesuaian.
- Kelebihan kompetitif atau faktor kejayaan utama terletak ke atas kreativiti, keunikan serta kualiti yang

tinggi dalam penyampaian P&P. Oleh itu, setiap ahli akademik perlu disemai dengan kesatuan tekad iaitu “menambah nilai pelajar” melalui pengajaran dan pembelajaran berkesan dan profesional.

- Sajian program pengajian yang lebar (*broad-based*) dan mendalam, yang mengadunkan amalan, kemahiran, konsep dan sikap, sesuai dengan perkembangan semasa.
- Tenaga akademik, sebagai penyampai perkhidmatan harus berwibawa, profesional dan berketerampilan.
- Di samping itu, pelaksanaan strategi keseluruhan USIM memerlukan satu *quick-gain* bagi terus mengekalkan semangat yang tinggi bagi seluruh warga dalam usaha melaksanakan strategi yang dibentuk agar mencapai matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan.

### 4.1 Lima tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- Meningkatkan nilai tambah pelajar melalui proses P&P melalui penerapan Kemahiran Insaniah (KI) melalui kaedah P&P termasuklah OBL, SCL, EBM, PSM, Case Studies, Ko-Kurikulum dan lain-lain (Program KI@USIM).
- Menambah baik input utama pendidikan iaitu calon pelajar dengan memberi penekanan terhadap kelayakan masuk dan meningkatkan kesediaan (*readiness*) mereka iaitu sikap dan pengetahuan asas (Program *Readiness*).
- Memantapkan modal insan di kalangan pensyarah melalui L&P untuk melahirkan pensyarah yang mantap



dengan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman (MANTAP) dalam mendidik, mengajar dan membangun pelajar (Program MANTAP).

- Mengukuhkan struktur P&P dengan mengekalkan nisbah Pensyarah: Pelajar (P2P) pada nisbah yang bersesuaian mengikut bidang, dan meningkatkan nisbah pensyarah berkelayakan PhD atau profesional pada tahap yang bersesuaian (Program P2P).
- Meningkatkan amalan jaminan kualiti P&P dengan menambah baik kurikulum dan bahan pengajaran secara berterusan, menjalinkan sinergi antara P&P dengan penyelidikan dan penerbitan, dan mewujudkan budaya ilmu di kalangan pelajar dan pensyarah (Program QA).

#### 4.2 Konsep-Konsep Utama


Perlaksanaan strategi ini berlandaskan dua konsep utama iaitu "impak generatif-degeneratif sistem pendidikan" dan "rantai nilai pendidikan".

#### 4.3 Impak Generatif-Degeneratif Sistem Pendidikan

- Model *impak generatif-degeneratif* dalam sistem pendidikan adalah berlandaskan kepada konsep "kejayaan mendorong kejayaan".
  - Ukuran utama kejayaan sistem pendidikan masa kini ialah kemampuan melahirkan graduan yang mempunyai daya gaji (*employability*) yang baik. Sekiranya daya gaji graduan USIM adalah baik, ini akan mendorong minat yang tinggi di kalangan majikan untuk mengambil graduan USIM dan graduan USIM akan mudah mendapat pekerjaan.

- Seterusnya, sekiranya graduan USIM mudah mendapat pekerjaan maka ini akan mendorong lebih ramai calon, khususnya calon-calon yang baik untuk memohon masuk ke program pengajian. Calon yang baik akan memudahkan proses P&P, dan ini akan meningkatkan prestasi pensyarah.
- Pensyarah yang berprestasi tinggi pula akan mampu melaksanakan penyelidikan dan penerbitan, dan ini akan meningkatkan kewibawaan pensyarah berkenaan dan seterusnya USIM (lihat gambar rajah 1). Kejayaan graduan

Rajah 1: Impak Generatif-Degeneratif Sistem Pendidikan



#### Kejayaan mendorong Kejayaan

- Dayagaji cemerlang Graduan akan mendorong minat majikan, mendorong calon baik memohon masuk ke program pengajian.
- Calon baik akan meningkatkan prestasi program dan pensyarah.
- Program + Pensyarah berkualiti melahirkan graduan berkualiti.

akan mendorong kejayaan pensyarah dan kejayaan USIM seterusnya.

#### 4.4 Rantaian Nilai Pendidikan

- Setiap pelajar yang memasuki USIM akan melalui sistem pembelajarannya yang akan mencanai dan mengolah mereka menjadi seorang graduan USIM. Pelajar akan melalui 5 aktiviti teras, iaitu (i) taaruf dan penghayatan akademik, (ii) proses P&P, (iii) pembangunan sahsiah dan jati diri, (iv) meneroka peluang pekerjaan, dan (v) alumni hubungan masyarakat (lihat gambar rajah 2).



- Sistem P&P USIM yang menyuntik sifat-sifat “insaniah” yang penuh dengan ehsan dan fitrah azali. Setiap peringkat pengajian di USIM akan mentransformasikan pelajar secara berperingkat, di mana setiap peringkat akan memberi nilai tambah terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap dan akan melahirkan graduan yang berketerampilan dan mempunyai daya kepimpinan.

- Aktiviti taaruf dan penghayatan akademik – membuka minda dan menanam minat terhadap pembelajaran dan bidang yang bakal diceburi; mendedahkan diri terhadap peraturan dan peluang pembelajaran; mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran pembelajaran dan ujian serta peperiksaan.
- Aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran – menyerap dan mempraktikkan ilmu dan pengetahuan secara interaktif dan membina kemahiran insaniah.
- Aktiviti pembinaan sahsiah dan jati diri – melalui aktiviti pelajar dalam dan luar kampus untuk mengukuhkan sifat kemahiran insaniah.
- Aktiviti meneroka peluang pekerjaan – mempersiapkan diri untuk menceburi alam pekerjaan dan keyakinan untuk menyumbang kepada masyarakat secara bermakna.
- Aktiviti alumni dan hubungan masyarakat – menyumbang balas kepada USIM, rakan segraduan dan masyarakat.
- Semua aktiviti tersebut disokong oleh aktiviti sokongan semasa dan setelah bergelar graduan.

#### 4.5 Kemahiran Insaniah (Program KI@USIM)



- Bagi seorang graduan USIM pengetahuan yang diterima melalui proses P&P biasa tidak mencukupi baginya sebagai persediaan untuk menceburi bidang pekerjaan. Untuk meningkatkan lagi daya saing dan keterampilannya, seorang graduan USIM perlu mempunyai kemahiran tambahan dan juga sikap yang positif. Graduan itu dianggap lengkap dan bersedia sekiranya ia mempunyai kemahiran insaniah yang mantap.
- Kemahiran insaniah mengandungi lapan (8) domain (lihat gambar rajah 3) iaitu:
  - Kemahiran komunikasi,
  - Kemahiran berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah,
  - Kemahiran etika dan moral,
  - Kemahiran pengurusan sepanjang hayat dan pengurusan maklumat,
  - Kemahiran keusahawanan,
  - Kemahiran kerja berpasukan,
  - Kemahiran memimpin, dan
  - Kemahiran Sosial
- Program kemahiran insaniah perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Komitmen dari semua fakulti dan pusat pengajian di USIM adalah kekunci bagi kejayaan pelaksanaan tindakan ini.
- Program khusus bagi melaksanakan usaha ini telah pun dilaksanakan. Ia melibatkan enam (6) aspek iaitu (lihat gambar rajah 4):

Rajah 4: Rangka kerja pelaksanaan program KI @ USIM



Rajah 3: Domain kemahiran insaniah



- Memperkemarkan kursus-kursus wajib (Universiti dan Fakulti) berdasarkan prinsip pendidikan berbidang luas dan berteraskan Pendidikan Islam. Ini telah pun dilaksanakan pada Mei 2007.
- Penguasaan bahasa: Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang dilaksanakan bermula sesi 2007/2008 yang melibatkan 3 modul dengan penambahan jam temu sebanyak 76 jam bagi setiap bahasa. Ia melibatkan semua pelajar Tahun 1.
- Pengukuhan kursus-kursus ko-kurikulum (budaya dan seni, sukan, pasukan beruniform, khidmat masyarakat)

dengan memasukkan elemen pengurusan dan perancangan acara (*event management*).

- Pemantapan program keusahawanan, dengan mewajibkan dua kursus pengurusan dan perniagaan serta praktikal keusahawanan.
- Menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH), yakni merangkumi kursus-kursus pendek di luar kurikulum ijazah, sepanjang pengajian, dan
- Penyerapan KI dalam proses P&P. Ini melibatkan semua program dan juga semua kursus. Tindakan utama ialah untuk menggunakan kaedah P&P yang terkini yang membolehkan KI disampaikan dengan mudah. Kaedah P&P ini termasuklah pembelajaran berasaskan hasil (OBL – Outcome-based learning), perubatan berasaskan bukti (EBM – Evidence-based medicine), pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL – Student-centered learning), pembelajaran berasaskan masalah (PBL – Problem-based learning), kajian kes, dan lain-lain.



#### 4.6 Input Pelajar (Program Readiness)

Input pelajar adalah amat penting bagi memastikan proses P&P dapat berjalan lancar, mutu kurikulum ditingkatkan, prestasi pensyarah dimantapkan, dan akhirnya melahirkan graduan yang berdaya gaji tinggi. Oleh itu, perlu dipastikan calon yang masuk ke USIM mempunyai kelayakan, kemampuan bahasa, dan kemahiran asas yang bersesuaian.

USIM mengambil calon dari pelbagai bidang kelayakan, iaitu lepasan Tamhidi, STAM, STPM/Matrikulasi KPM dan Diploma yang diiktiraf. Semua calon ini mesti mempunyai kelayakan asas bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di peringkat SPM. Namun, pencapaian kelayakan mereka adalah berbeza-beza dengan kekuatan dan kelemahan yang tersendiri.

Untuk memastikan semua calon mempunyai kelayakan dan kemampuan yang bersesuaian, langkah-langkah strategik berikut perlu diambil:

- (i) Meningkatkan kemampuan calon STAM, yakni kurikulum STAM perlu disemak dan dikemas kini supaya dapat dimasukkan subjek Bahasa Inggeris dan Ekonomi atau Pengajian Perniagaan, dan pendedahan kepada teknologi.
- (ii) Memastikan calon-calon STPM/Matrikulasi KPM mempunyai kemahiran dan penguasaan Bahasa Arab yang bersesuaian.
- (iii) Meningkatkan lagi bilangan kemasukan ke Program Tamhidi, sekurang-kurangnya menampung 50% dari keperluan pengambilan tahunan.



■ Adalah perlu agar pelajar yang mendaftar terdiri dari kalangan calon yang memohon memasuki USIM atau calon Pilihan Pertama. Bagi meningkatkan permohonan dan calon masuk adalah pilihan pertama, inisiatif berikut perlu dilaksanakan:

- (i) Program peragaan universiti (Roadshow) perlu dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Bakal-bakal calon di sekolah perlu diberikan pendedahan yang secukupnya agar mereka mempunyai maklumat yang lengkap mengenai program pengajian di USIM.
- (ii) Jalinan strategik diadakan dengan sekolah-sekolah agama cemerlang (Program Sekolah Kluster) dan juga Kolej-kolej berteraskan pendidikan Islam.

#### 4.7 Pembangunan Modal Insan (Program MANTAP):

■ Mengiringi usaha untuk meningkatkan kemampuan pensyarah, satu program yang menekankan kepada kemahiran mengendalikan proses P&P, mengemas kini pengetahuan berkaitan bidang, dan meningkatkan pengalaman industri atau praktikal, akan dilaksanakan.

Program ini dikenali sebagai Program MANTAP (kemahiran, pengetahuan, pengalaman).

- Untuk tujuan tersebut, semua pensyarah perlulah mempunyai kemahiran asas dan lanjutan dalam P&P. Satu program latihan dan pembangunan (L&P) akan diwajibkan melalui program pembangunan profesional berterusan (CPD – Continuous profesional development). Sebuah pusat iaitu Pusat Pengembangan Akademik (PPA) akan diwujudkan untuk melaksanakan inisiatif ini.
- Manfaat terhadap penguasaan bahasa berganda (Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab) di kalangan pelajar jelas dilihat. Oleh itu, penguasaan bahasa berganda bukan sahaja ditekankan kepada pelajar, malah ianya harus ditekankan kepada para pensyarah dan kakitangan pentadbiran juga. Setiap pensyarah hendaklah mempunyai pengetahuan asas dalam Pendidikan Islam dan juga penguasaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris (Tri-Bahasa).
- Huraian lanjut mengenai program latihan dan pembangunan adalah di bahagian “Modal Insan”.



#### 4.8 Mengukuhkan Struktur Pengajaran & Pembelajaran (P&P)

- Kurikulum yang mantap harus disulami dengan satu persekitaran yang kondusif bagi menyokong proses P&P agar ia menjadi lebih berkesan lagi. Bilangan pensyarah



yang mencukupi serta berkelayakan harus tersedia. Dengan adanya struktur P&P yang kemas maka para pelajar akan menjadi lebih selesa dan berkeyakinan.


- Saiz kelas yang bersesuaian mesti diwujudkan agar para pelajar mendapat tumpuan secukupnya daripada pensyarah semasa bersemuka dalam bilik kuliah atau tutorial. Suasana sebegini amat penting khususnya dalam melaksanakan kaedah pengajaran terkini seperti OBL, SCL, EBM, kajian kes, dan lain-lain, dalam konteks program KI@USIM. Oleh itu nisbah Pensyarah: Pelajar (P2P) mesti dikekalkan pada kadar yang munasabah mengikut Fakulti dan bidang. Adalah dianggarkan nisbah purata ialah 1:13.
- Bilangan pensyarah yang berkelayakan tertinggi (PhD, Profesional atau setara) juga menjadi faktor utama dalam menentukan keberkesanan P&P dan keyakinan masyarakat. Oleh itu, bilangan pensyarah yang mempunyai kelayakan tertinggi mestilah disediakan. Kini dianggarkan sekurang-kurangnya 60% bilangan pensyarah mesti mempunyai kelayakan tertinggi. Di samping itu, para pensyarah juga mesti digalakkan untuk mengikuti program pasca doktoral atau *sub-specialization*.
- Jam pertemuan pelajar-pensyarah juga adalah salah satu faktor penentu yang boleh mempengaruhi mutu P&P. Lebih banyak jam pertemuan dianggap lebih baik kerana pelajar akan mempunyai banyak peluang untuk berinteraksi dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan P&P. Dengan penekanan terhadap kemahiran insaniah (KI@USIM), tumpuan yang lebih juga harus diberi kepada aspek amali berbanding teori. Para pelajar mesti didedahkan dengan aspek amali dengan lebih meluas lagi iaitu melalui kaedah tutorial, makmal dan kerja lapangan. Oleh itu, penetapan jadual waktu pertemuan harus memperuntukkan jumlah

jam tutorial, makmal atau kerja lapangan yang bersesuaian. Jadual waktu harus menjelaskan pembahagian antara kuliah (syarahan semata-mata) dan kerja amali tersebut, sekurang-kurangnya dua jam seminggu bagi sesuatu mata pelajaran iaitu sama ada 3K+2T, atau 2K+2T atau 1K+2.

- Struktur P&P yang dinyatakan di atas tadi mesti disokong dengan struktur fizikal, iaitu muatan bilik tutorial dan susunan kedudukan pelajar agar suasana interaktif (meja bulat atau *U-shape*) antara sesama pelajar juga harus berjalan dengan berkesan berbanding susunan 'classroom' yang menjurus kepada interaksi pelajar-pensyarah.

#### 4.9 Amalan Jaminan Kualiti

- Kunci kepada kejayaan untuk mencapai kelebihan kompetitif dalam P&P ialah amalan jaminan kualiti yang kemas dan mantap. Satu sistem amalan jaminan kualiti harus wujud dan semua pihak memberikan komitmen yang maksimum terhadap perlaksanaannya. Di samping itu, amalan jaminan kualiti haruslah diamalkan di semua peringkat dalam fakulti dan pusat, iaitu peringkat fakulti, program, kursus, dan seterusnya P&P. Proses amalan jaminan kualiti harus juga dilengkapi dengan sistem maklum balas yang jelas, khususnya daripada pengguna. Fakulti atau pusat pula perlu mempunyai sistem penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dengan berkesan.
- Pada peringkat Fakulti, satu Jawatankuasa Penasihat Fakulti harus diwujudkan. Jawatankuasa ini harus dianggotai oleh wakil-wakil dari industri, badan profesional, senat dan akademik luar, dengan fakulti sendiri menjadi urus setia. Fungsi utamanya ialah untuk memberi maklum balas serta pandangan terhadap kurikulum, kualiti akademik dan pentadbiran fakulti/pusat.



- Pada peringkat program, khususnya program baru, Panel Penasihat Program yang sedia ada apabila sesuatu program baru dikemukakan harus dimantapkan lagi. Pandangan mereka harus diberikan perhatian serius, tambahan pula dengan adanya pendekatan baru dalam permohonan program baru kepada pihak MQA.
- Bagi program sedia ada, proses pengiktirafan mesti dikemas kini agar ianya menepati keperluan yang ditetapkan oleh pihak MQA atau JPA. Selain itu, pandangan dan maklum balas badan profesional mesti diambil kira dalam proses mendapatkan pengiktirafan

program sedia ada. Permohonan pengiktirafan program mesti dilaksanakan dengan kemas dan tersusun di bawah kelolaan Fakulti dengan kerjasama Bahagian Akademik. Fakulti sebaik-baiknya perlu menjalankan audit akademik secara dalaman iaitu dengan melantik Penilai Luar atau Pemeriksa Luar (bagi FPSK dan FPg).

- Pada peringkat kursus, peranan Jawatankuasa Pemeriksa Program Pra-Siswazah dan Jawatankuasa Pemeriksa Program Siswazah harus diluaskan supaya dapat memberikan pandangan terhadap keputusan sesuatu peperiksaan pada setiap semester. Pandangan jawatankuasa-jawatankuasa ini perlu diambil kira dalam proses penambahbaikan prestasi pelajar dan fakulti secara keseluruhan.
- Proses pengujian, peperiksaan dan penilaian juga harus diperkemas. Jawatankuasa Penaksir Soalan harus diwujudkan bagi setiap program dan bidang. Jawatankuasa Penaksir yang terletak di bawah bidang kuasa fakulti atau pusat perlu diberikan tanggungjawab dan kuasa untuk meneliti setiap soalan dan skema pemarkahan dan memantau agar setiap peperiksaan itu dibuat bersesuaian dengan bidang dan tahap pengajian, dengan mengambil kira keperluan kemahiran insaniah (KI@USIM).
- Pemoderat Peperiksaan juga harus diwujudkan bagi setiap kursus yang ada dengan tujuan untuk mendapat pandangan dan pengiktirafan terhadap peperiksaan yang telah dijalankan. Antara tugas dan tanggungjawab Pemoderat Peperiksaan ialah memberi pandangan terhadap soalan-soalan sesuatu peperiksaan, meneliti

pemarkahan yang dilaksanakan oleh pensyarah/pemeriksa kertas dan melihat kesesuaian skema yang disediakan. Dengan itu, peperiksaan yang dijalankan itu akan mendapat lebih keyakinan khususnya oleh pihak luar.

- Penilaian kursus oleh pelajar pada setiap akhir semester atau apabila kursus tersebut siap dijalankan juga harus dikemas kini agar ianya berjalan dengan berkesan. Penilaian kursus iaitu e-Nilai yang dibuat secara dalam talian (online) ini juga akan dapat digunakan sebagai alat penambahbaikan P&P. Melalui e-Nilai, maklum balas mengenai kesesuaian kursus, kaedah P&P, penerapan kemahiran insaniah, pengurusan kursus dan penampilan pensyarah dapat diperoleh daripada pelajar yang merupakan pengguna utama P&P.





**BAB 5: BUDAYA AKADEMIK – 3PK**

Peranan sesebuah IPT bukan sahaja melibatkan diri dalam penyebaran ilmu pengetahuan kepada mahasiswa tetapi juga mencakupi aktiviti penjana, mengarkibkan dan penggunaan (aplikasi) ilmu untuk kesejahteraan ummah. Tanggungjawab IPT, khususnya USIM dalam menjustifikasikan keberadaannya dalam lingkungan masyarakat, bukan hanya kepada pelajar, malah ia mencakupi semua pemilik taruh termasuklah negara (kerajaan), pelajar (termasuk ibu bapa), masyarakat ilmuwan (cendekiawan), dan masyarakat umum.

Kepada pemilik taruh utama, iaitu negara (kerajaan), yang mempunyai harapan khusus terhadap USIM serta membiayai pembangunan dan operasinya, USIM harus memberikan pulangan yang sewajarnya. Pulangan ini adalah dalam bentuk modal insan (graduan) yang dilahirkan, dan juga mengkomersialkan penemuan agar ianya boleh menjana nilai komersil. Kepada mahasiswa, mereka harus dibangunkan agar bukan sahaja mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik bagi memperoleh pekerjaan, tetapi juga harus berupaya menjadi ahli masyarakat yang boleh menyumbang secara positif kepada agama, bangsa dan negara.

Sebagai sebuah IPTA yang baru di mana lebih 60% staf akademiknya mempunyai pengalaman kurang dari 5 tahun, USIM perlu meningkatkan keupayaannya, bukan sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga dalam aspek akademik yang lain termasuklah penyelidikan, penerbitan, persidangan dan juga khidmat kemasyarakatan (3PK). Hanya setelah keseluruhan aspek ini dapat ditingkatkan maka barulah USIM dapat membina reputasi sebagai sebuah IPT yang unggul. Penekanan yang khusus harus diberikan bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan USIM.

Untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan, terdapat beberapa langkah yang perlu diambil.

- Mewujudkan matlamat, dasar, prosedur dan penilaian terhadap 3PK.
- Mewujudkan fokus (niche) bidang penyelidikan dan sinergi dengan penerbitan dan persidangan.
- Menyediakan kemudahan dan galakan, termasuk latihan yang secukupnya bagi **memberdaya dan membudayakan** 3PK.
- Meningkatkan produktiviti 3PK pada nisbah yang sesuai.
- Memperkemas pengurusan 3PK.
- Mencapai tahap **reputasi 3PK** antara yang tertinggi, di kalangan IPT negara.

**5.1 Mewujudkan matlamat, dasar, prosedur dan penilaian terhadap 3PK**

Sebagai langkah mengukuhkan 3PK, satu set dasar, prosedur dan kaedah pengukuran prestasi (DPP) perlu dibangunkan. DPP perlu dibangunkan selari dengan VMM. Dengan adanya



DPP, semua warga akademik akan dapat bekerja dengan lebih jelas, mengurangkan kerenah birokrasi dan cepat membuat tindakan. Di samping itu, setiap keputusan dapat dibuat dengan cepat dan konsisten, menjadikan sistem pengurusan 3PK mempunyai integriti yang tinggi.

### 5.2 Mewujudkan fokus (niche) bidang penyelidikan dan sinergi dengan penerbitan dan persidangan

Kini USIM menawarkan program pengajian dalam 22 bidang dan subbidang dan bilangan ini akan bertambah dari semasa ke semasa mengikut perkembangan. Namun keupayaan USIM untuk menjadi cemerlang dalam semua bidang pendidikan yang ditawarkannya itu adalah tidak mungkin. Oleh sebab itu, pemilihan bidang yang boleh diketengahkan, yang boleh menjadi identiti USIM dan cemerlang serta membawa reputasi yang tinggi perlu dilakukan.

Usaha untuk mengenal pasti bidang bitara (niche) perlu dibuat. Setiap Fakulti harus mempunyai sekurang-kurangnya satu bidang bitara. Bidang ini adalah unik bagi USIM dan ia akan menjadi tunggak untuk USIM cemerlang dalam pendidikan dan penyelidikan. Bidang itu juga akan menjadi pencetus kepada penubuhan dan pengembangan pusat kecemerlangan (COE).



### 5.3 Menyediakan kemudahan dan galakan, termasuk latihan yang secukupnya bagi memberdaya dan membudayakan 3PK

Bagi mewujudkan dan mengekalkan budaya 3PK, galakan dan kemudahan harus diadakan. Begitu juga dengan skim latihan yang dibuat secara sistematik bagi mengurus usaha yang ingin dijalankan itu. Melalui program latihan dan pembangunan yang dijalankan, keupayaan dan kepakaran dalam 3PK maka akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Program pembangunan profesional berterusan (CPD) harus dilaksanakan.

Untuk tujuan itu, satu rancangan menyeluruh perlu diadakan dengan melaksanakan usaha berikut:

- Latihan dan pembangunan melalui CPD
- Sinergi bersama domain lain akademik:
- Sinergi antara Program pengajian siswazah, penyelidikan, penerbitan dan persidangan. Misalnya, calon-calon siswazah perlu disyaratkan membentang dan menulis kertas kerja atau artikel jurnal sebagai syarat pengijazahan.
- Penghayatan yang tinggi dan berdisiplin (budaya) terhadap 3PK.
- Program perantis dan pasukan penyelidikan melalui program Malim sarjana yang diurus secara projek.
- Pembangunan bidang tujahan peringkat Fakulti dan Pusat Kecemerlangan melalui Program "Follow-through".
- Pemantapan RMS + RMC.

### 5.4 Meningkatkan produktiviti 3PK pada nisbah yang sesuai

Sasaran untuk menjana hasil akademik perlu ada bagi



memastikan perkembangan yang lebih selaras. Nisbah-nisbah hasil akademik perlu ada dan ditunjukkan dengan jelas agar ia menjadi sasaran penghasilan kerja yang telus, khususnya bagi penyelidikan dan penerbitan. Ini kerana aspek-aspek ini akan dapat membantu meningkatkan reputasi USIM dalam kaca mata masyarakat.

### 5.5 Memperkemas pengurusan 3PK

Pengurusan 3PK harus dipertingkatkan bagi memastikan ia berjalan dengan lancar dan berkekalan. Perancangan dan pemantauan program harus dibuat bagi memastikan hala tuju dan matlamat adalah jelas bagi semua warga akademik.

### 5.6 Mencapai tahap reputasi 3PK antara yang tertinggi, di kalangan IPT negara

Adalah menjadi harapan agar USIM akan mencapai tahap reputasi yang tinggi. Dengan itu, ini bukan sahaja akan membawa nama USIM ke tengah medan masyarakat, tetapi lebih penting lagi ialah akan meningkatkan lagi martabat pendidikan Islam yang di dokongnya

### 5.7 Penerbitan dan Persidangan

Khusus untuk penerbitan dan persidangan, aspek-aspek berikut perlu diberikan keutamaan.

- Menetapkan fokus penerbitan dengan menjadikannya sebagai syarat perkhidmatan sama ada pengesahan jawatan mahupun kenaikan pangkat. Ini termasuklah penerbitan dalam bentuk-bentuk berikut: Buku teks untuk pengajaran, Buku rujukan, dan Makalah dalam jurnal.
- Memperkemas dasar, proses, dan prosedur penerbitan.
- Menggalakkan penerbitan melalui pemberian pengiktirafan seperti Anugerah dan Pelancaran buku.
- Bagi persidangan pula adalah harus bagi memperkemas dasar, proses dan prosedur menganjur persidangan.
  - Fokus persidangan.
  - Sinergi bersama penerbitan.
  - Meningkatkan imej USIM.
- Memperkemas dasar, proses dan prosedur menghadiri persidangan.
  - Meningkatkan imej USIM.
  - Membudayakan tanggungjawab akademik.
  - Menambah nilai pensyarah melalui kertas kerja berkualiti.

Penekanan kepada 3PK ialah untuk mengimbangi perkembangan USIM iaitu bukan sahaja untuk membina reputasi dalam pendidikan, akan tetapi untuk membina juga reputasi dalam domain akademik yang lain iaitu 3PK. Usaha ke arah itu harus jelas dan jitu untuk memastikan USIM mencapai hasrat dan cita-cita yang di dokongnya.



**INSTITUT PENGURUSAN  
DAN**

**PENYELIDIKAN FATWA SEDUNIA**

**WORLD FATWA MANAGEMENT AND RESEARCH INSTITUTE**

**مجمع الفتوى العلمية للإدارة والبحوث**

**BAB 6: PUSAT KECEMERLANGAN  
(CENTRE OF EXCELLENCE)**

- Universiti yang berjaya dan terkenal dalam bidang-bidang bitara adalah kerana staf akademiknya yang banyak menjalankan penyelidikan dan juga penerbitan dalam jurnal-jurnal terkemuka di dalam dan luar negara. Oleh itu, untuk mencapai status universiti tersohor di dunia, para pensyarah harus melaksanakan tanggungjawab dengan menjalankan aktiviti penyelidikan dan penerbitan untuk tujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan berupaya mencipta ilmu baharu dalam bidang masing-masing.
- USIM yang akan menjangkau umur 10 tahun pada 2010 berhasrat untuk mencapai status universiti tersohor dalam semua bidang pengajian yang ditawarkan berlandaskan Islam. Bagi mencapai visi tersebut, maka program-program yang relevan berlandaskan Islam ditawarkan di USIM. Program-program baharu akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan pemilik taruh.
- Di samping penubuhan fakulti, pusat-pusat kecemerlangan juga telah ditubuhkan untuk mempergiatkan dan mempertingkatkan R&D bagi mencapai status universiti terkemuka pada tahun 2020. R&D adalah kritikal bagi meningkatkan kualiti pengajaran, mencipta ilmu baharu, menghasilkan inovasi dan penemuan-penemuan baharu untuk diiktiraf sebagai universiti tersohor. COE di USIM akan dibangunkan berdasarkan strategi-strategi seperti berikut:

## 6.1 Membangun dan menggalakkan COE yang berdaya maju

- Penyelidikan terkini selari dengan program yang ditawarkan oleh fakulti dilaksanakan dengan penubuhan pusat-pusat kecemerlangan (centres of excellence – COE). COE membantu penyelidik untuk memberi tumpuan khusus mengikut bidang tujahan dalam penyelidikan dan penerbitan. Dengan adanya COE dalam bidang-bidang khusus seperti fatwa, kewangan dan pengurusan harta Islam dan pengurusan produk halal, maka geran penyelidikan juga mudah diperolehi dari pihak kerajaan ataupun agensi-agensi lain. COE yang banyak menghasilkan penyelidikan dan produk yang bermutu akan dikenali dan menjadi tarikan kepada penyelidik dan saintis terkemuka di seluruh dunia untuk menjadi profesor ataupun felo pelawat.
- Sehingga sekarang (2008), USIM telah pun menubuhkan tiga buah COE, iaitu Institut Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD), Islamic Finance and Wealth Management Institute (IFWMI), dan Institute for Halal Research and Management (IHRAM). INFAD memberi

tumpuan dalam bidang fatwa dan hukum, manakala IFWMI ditubuhkan untuk menggalakkan penyelidikan dalam bidang kewangan dan pengurusan harta Islam dan penyelidikan di IHRAM memberi tumpuan dalam pengurusan produk halal (makanan dan bukan makanan) untuk seluruh ummah. Kesemua COE USIM mempunyai kekuatan tersendiri dengan mempunyai bidang bitara yang tidak dipunyai oleh COE lain. Kekuatan COE USIM adalah dalam bidang penyelidikan yang boleh dikelaskan sebagai bidang bitara kerana kesemuanya adalah berlandaskan Islam. Penyelidikan dalam bidang Islam masih kurang, khususnya fatwa tentang amalan dan perbuatan, makanan halal, kewangan dan perbankan Islam. COE akan diberi galakkan untuk menjadi COE yang berdaya maju dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

- Di samping itu, beberapa COE yang baharu akan dibangunkan mengikut bidang tujahan dan keperluan jangka masa USIM. Berikut ialah COE yang dicadangkan untuk dibangunkan pada masa hadapan:

- Institut Pentafsiran Quran dan Hadis, dan
- Institut Penyelidikan Penyelewengan dan Pemulihan Akidah

## 6.2 Pemantapan pengurusan COE

- Seiring dengan matlamat **Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN): MELANGKAUI 2020**, USIM akan memastikan kesemua COE akan mendapat pengiktirafan antarabangsa dan 10 peratus daripada hasil penyelidikan boleh dikomersialkan menjelang



2020. Untuk mencapai matlamat tersebut, kesemua COE akan ditransformasikan ke arah mencapai pengiktirafan antarabangsa menjelang 2020. Semua COE akan mempunyai struktur organisasi yang mantap dan pengurusan yang berpengalaman untuk menghasilkan penyelidikan yang bermutu tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kakitangan sokongan dan kemudahan pejabat yang secukupnya akan disediakan kepada setiap COE bagi mencapai objektif di atas.

### 6.3 Dasar satu benua satu rakan kongsi (1C1P)

- Setiap COE akan menjalin kerjasama ataupun hubungan antarabangsa dengan COE di luar negara seiring dengan dasar satu benua satu rakan kongsi (1C1P – one continent one partner). COE akan menjadi penggerak utama dalam memartabatkan penyelidikan



yang boleh dimanfaatkan oleh penyelidik lain, agensi kerajaan, industri dan ummah di seluruh dunia. USIM juga akan menubuhkan COE dalam bidang-bidang lain yang akan dikenal pasti dari semasa ke semasa. Kerjasama COE USIM dengan COE terkemuka di setiap benua akan dipertingkatkan. Unit Hubungan Industri yang ditubuhkan pada tahun 2008 akan di naik taraf untuk menjadi Pusat Hubungan Industri. Pusat ini akan dipertanggungjawabkan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak industri di dalam dan luar Malaysia.

### 6.4 Meluaskan skop COE dalam rangkaian R&D&C

- COE akan dibangunkan selari dengan visi USIM dan juga **Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) MELANGKAUI 2020**. Sasaran pelan strategik ialah sekurang-kurangnya 20 COE daripada semua IPT mendapat pengiktirafan antarabangsa dan 10 peratus daripada hasil penyelidikan dikomersialkan menjelang 2010. USIM akan memastikan ketiga-tiga COE dipilih oleh KPT untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa dan 10 peratus daripada hasil penyelidikan boleh dikomersialkan menjelang 2010.
- Skop COE juga akan diperluaskan dengan bidang tujuan yang baharu seiring dengan perkembangan dalam bidang tersebut. Profesor-profesor serta saintis terkemuka (dalam dan luar negara) dalam bidang tujuan COE akan dilantik untuk menjalankan penyelidikan bersama dengan penyelidik dan pelajar pasca siswazah USIM. Para penyelidik dan pelajar pasca siswazah akan digalakkan untuk mewujudkan rangkaian dengan profesor dan saintis terkenal untuk merealisasikan objektif tersebut.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI

LANGAN INTELEKTUAL

Malaysiaku Gemilang

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

**BAB 7: MODAL INSAN****Pengenalan**

Islam adalah agama yang syumul dan memberi penekanan kepada semua aspek kehidupan tidak terkecuali perkembangan ilmu dan juga latihan. Apabila Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi merasmikan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) pada 16 Januari 2007 bukan sahaja untuk memenuhi aspirasi negara malahan menepati kehendak agama yang syumul ini. PIPP yang dirangka merupakan salah satu kunci utama untuk membolehkan negara mencapai Wawasan 2020 dengan merealisasikan satu sistem pendidikan tinggi yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia. Justeru, transformasi pendidikan yang membawa kepada perubahan radikal perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi di negara ini.

**7.1 Modal Insan dan Rancangan Malaysia Kesembilan**

- Pembangunan modal insan merupakan elemen kritikal



untuk mencapai pembangunan yang lestari. Oleh itu, pembangunan modal insan telah dijadikan sebagai teras utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Pembangunan modal insan yang holistik akan dilakukan melalui pemintaran sains dan teknologi (S & T) dan keupayaan keusahawanan.

- Dua strategi utama untuk mencapai matlamat pembangunan modal insan RMK9 ialah melalui program latihan dan program pendidikan. Di bawah program latihan; kapasiti institusi latihan awam akan dipertingkatkan untuk memberi latihan sebelum bekerja melalui penubuhan institusi latihan yang baru dan menaik taraf institusi sedia ada. Selain itu, majikan juga digalakkan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka.
- Strategi program pendidikan pula akan dilakukan melalui peningkatan enrolmen dan kualiti di setiap tahap pendidikan. Kurikulum pendidikan tertiar, menengah dan rendah akan dikaji dari semasa ke semasa untuk menjamin kesesuaian pendekatan yang digunakan.
- Kurikulum institusi pendidikan tinggi perlu dikaji semula setiap tiga hingga lima tahun bagi menjamin penerusan peningkatan kualiti. Kesungguhan kerajaan untuk membangunkan modal insan, khususnya peringkat tertiar dibuktikan dengan perwujudan Universiti Apex sebagai penanda aras agar institusi pengajian tinggi di Malaysia terus berusaha mencapai status ini.

**7.2 Pembangunan Modal Insan USIM**

- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) juga tidak terkecuali dalam menjayakan matlamat RMK9. USIM akan terus

berkembang dan sebagai institusi berpusatnya para cendekiawan, USIM juga mahu menjadi pemangkin dan pemain utama untuk menyediakan modal insan minda kelas pertama.

- Pembangunan modal insan ini penting untuk memastikan staf dan graduan-graduan USIM mempunyai ilmu pengetahuan, kepakaran tinggi, berfikir secara kreatif dan kritis dalam pelbagai bidang serta mampu bertindak secara rasional. Modal insan terbaik merupakan elemen penting untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mencetus kemajuan industri dan seterusnya meneroka bidang penyelidikan baharu.
- Menjadi harapan USIM agar graduan-graduan yang dilahirkan adalah berkemahiran tinggi yang sesuai dengan keperluan pasaran industri serta mampu meningkatkan tahap produktiviti dan daya saing negara dalam menghadapi cabaran dan tekanan persaingan abad ke-21. Sebelum matlamat ini dapat dicapai transformasi pendidikan di peringkat universiti terutamanya dari segi keperluan tenaga pengajar dan pengurusan sumber manusia perlu dilakukan. Oleh itu, bagi merealisasikan harapan yang murni ini USIM telah menetapkan lima strategi di bawah kerangka modal insan USIM.

### 1) Mempunyai bilangan pensyarah yang mencukupi pada nisbah minimum yang sesuai mengikut bidang dengan kelayakan tertinggi (60%)

- Tenaga pengajar atau pensyarah dari semua jurusan merupakan modal insan yang amat penting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi untuk melahirkan para graduan dengan minda kelas pertama. USIM mensasarkan untuk menarik lebih ramai profesional dan tenaga pengajar mengikut bidang dengan kelayakan tertinggi

mencapai nisbah minimum 60% menjelang 2015.

- Bagi mencapai matlamat ini USIM akan memastikan tenaga akademik mempunyai kelayakan tertinggi iaitu di peringkat PhD dan Profesional sama ada melalui pengambilan atau cuti belajar. Menyedari pembangunan modal insan tiada noktah maka pensyarah digalakkan untuk membuat *post doctoral* dan cuti sabbatical agar ilmu yang dimiliki dapat terus diperkaya dan dikukuhkan lagi.



- Selain itu, kerjasama yang lebih erat di kalangan IPT, institusi kerajaan, syarikat tempatan, multinasional dan institusi antarabangsa juga akan digiatkan. Kerjasama ini bertujuan untuk memindahkan kepakaran dan profesionalisme dengan lebih cepat serta memberi pengalaman kepada pensyarah melalui skim sangkutan (attachment).
- Skim sangkutan ini terbuka kepada pegawai tadbir dan juga ahli akademik. Seramai 24 orang pegawai tadbir telah mengikuti skim ini dari tahu 2005 hingga 2008 di pelbagai agensi. Manakala



kakitangan akademik pula dilaporkan pada tahun ini sahaja (2008) seramai 10 orang turut mengikuti skim sangkutan ini.

## 2) Mewujudkan matlamat, dasar, prosedur dan kaedah penilaian yang jelas dan kemas bagi merekrut, merangsang, mengekal dan membangun modal insan.

- Pembangunan modal insan merupakan satu proses yang berterusan bermula daripada pengambilan tenaga kerja hinggalah mereka mencapai tahap tertinggi dalam kerjaya atau bersara. Bagi mencapai visi ini USIM telah mewujudkan matlamat dan dasar yang jelas dalam pembangunan modal insan.
- Proses merekrut staf terutamanya tenaga pengajar akan melalui tapisan dan penilaian yang terperinci berdasarkan kepada syarat – syarat kelayakan yang telah ditetapkan.
- Seterusnya setiap warga USIM akan dirangsang melalui kursus – kursus dan aktiviti yang telah dirancang dengan teliti untuk terus membaiki pencapaian diri agar USIM mampu berdiri

sama tinggi dengan institusi pendidikan tinggi antarabangsa yang lain.

- Menyedari bahawa pembangunan modal insan merupakan satu proses yang panjang maka amat penting untuk mengekalkan modal insan sedia ada untuk dipastikan kesinambungannya.
- Pengekalan tenaga kerja ini dilakukan dengan laluan kerjaya yang lebih jelas di samping anugerah dan pengiktirafan yang akan diberi dari masa ke semasa.
- Pada tahun 2007 sahaja sebanyak 12 anugerah telah diberikan kepada warga USIM yang layak. Antara anugerah yang diberikan ialah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (72 orang), Anugerah Terpuji (58 orang), Anugerah Pekerti Terpilih (4 orang).
- Anugerah lain yang turut diberikan pada tahun 2007 ialah Anugerah Pengajar Aktif, Anugerah Khidmat Masyarakat, Anugerah Penerbitan, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Kualiti Naib Canselor, Anugerah Persatuan/Kegiatan Mahasiswa Cemerlang, Pengurusan Maklumat, Anugerah Pensyarah Antarabangsa dan yang terakhir ialah Sijil Penghargaan dan Insentif Cuti Belajar.

## 3) Semua tenaga pengajar menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa selain bahasa ibunda (pentadbir + 1 bahasa).

- Pendidikan tinggi di Malaysia telah melalui evolusi daripada berperanan untuk memajukan anak bangsa kepada penawaran produk-produk yang mampu menarik pelajar antarabangsa. Memahami keperluan dan persaingan di kalangan institusi pengajian tinggi tempatan

yang lain, sama ada awam atau swasta, maka USIM mensasarkan agar tenaga pengajarnya menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa selain bahasa ibunda.

- Bagi anggota pentadbiran di semua peringkat pula disasarkan supaya menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa lain. Strategi penguasaan bahasa ini memberikan nilai tambah kepada USIM. Malahan, struktur akademik USIM juga telah dirangka dengan menjadikan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai medium perantara.
- Sekiranya sasaran ini dipenuhi, USIM akan lebih unik dan mampu menjadi peneraju di kalangan universiti tempatan sebagai lokasi pilihan para pelajar terutamanya pelajar antarabangsa.



#### 4) Mewujudkan rancangan penggantian (succession planning).

- Rancangan penggantian merupakan satu proses mengenal pasti dan menentukan calon-calon berseesuaian untuk menggantikan peneraju atau jawatan-jawatan utama sesebuah institusi. Proses ini amat penting

kerana kelangsungan kejayaan USIM bergantung kuat kepada peneraju utama ini.

- Menyedari hakikat ini, peneraju utama USIM mesti terdiri daripada para profesional terunggul yang dapat memastikan kejayaan matlamat-matlamat strategik dan modal insan yang telah dirancang. Hanya calon-calon terbaik yang akan dipilih dan seterusnya dilantik untuk menggantikan peneraju utama yang bersara.

#### 5) Memperkemarkan lagi sistem dan proses pentadbiran Bahagian Sumber Manusia.



- Pembangunan modal insan bermula daripada pemilihan bakal pekerja yang tepat serta latihan kepada warga kerja USIM secara berterusan sehingga melahirkan graduan yang berpengetahuan tinggi, kreatif dan rasional. Bahagian Sumber Manusia (BSM) merupakan nadi utama bagi menjayakan aspek modal insan ini. BSM terlibat secara langsung dengan proses menapis (*screening*) dan merekrut staf yang berpotensi.

- Selain itu, unit latihan BSM pula berperanan untuk memastikan warga kerja USIM sentiasa dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran terkini. Profesionalisme, keberkesanan menjalankan tugas dan kecekapan membuat keputusan sangat dituntut dalam pentadbiran BSM kerana hanya dengan pemilihan warga kerja yang tepat sahaja dapat memastikan hala tuju USIM tercapai.
- Justeru, sistem dan proses pentadbiran BSM akan sentiasa diperkemas agar bersesuaian dengan keperluan semasa dan dapat meningkatkan imej USIM. Perancangan yang berkesan dan cekap berdasarkan keperluan amat diperlukan bagi semua jawatan. Proses pentadbiran BSM yang kemas adalah satu cara untuk menjayakan segala matlamat, dasar dan prosedur USIM terutamanya modal insan terlaksana.
- Di bawah Unit Perhubungan Pelajar umpamanya, mahasiswa USIM akan dilatih dengan ciri-ciri kepimpinan seperti protokol, cara berpakaian dan cara berucap (debat) yang betul dengan penerapan nilai-nilai patriotik bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.
- Selain itu, pembangunan modal insan pelajar USIM juga tidak hanya tertumpu kepada pelajar semata-mata malahan mereka terlibat secara langsung dengan aktiviti khidmat masyarakat.
- Istimewanya pelajar USIM ialah bertatar belakang pendidikan agama Islam. Maka Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM) telah ditubuhkan di USIM bertujuan untuk mendampingi masyarakat oleh pelajar USIM dan mengenal mengenai hidup bermasyarakat yang diredai dan dirahmati oleh Allah SWT.
- SPMM juga ditubuhkan untuk melahirkan pendakwah-pendakwah pelapis dan seterusnya membentuk satu rangkaian pendakwah muda yang bertoleransi, bersatu padu dan bersikap ke arah pembangunan Islam Hadhari dan bertamadun.

### 7.3 Pembangunan Modal Insan Pelajar USIM

- Matlamat utama sesebuah pengajian tinggi ialah melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga mempunyai sahsiah dan keperibadian yang tinggi. USIM juga tidak terkecuali untuk mencapai matlamat ini melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP).
- HEP bertanggungjawab membangunkan modal insan pelajar USIM dengan mewujudkan suasana kampus dan melahirkan pelajar yang produktif, dinamik, inovatif, berdaya saing dan berilmu dengan mengamalkan nilai-nilai Islam yang sejati.
- Melalui aktiviti-aktiviti sukan, kebudayaan dan persatuan, pelajar-pelajar USIM dapat mempelajari cara berorganisasi dan berkomunikasi dengan segenap lapisan masyarakat.



- Sumbangan khidmat masyarakat pelajar USIM juga tidak terpengaruh dari pelajar universiti lain. USIM juga terlibat dengan Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) bagi zon selatan. Pelajar USIM bersama pelajar universiti lain berpeluang untuk melakukan khidmat sukarela bagi peristiwa-peristiwa kebajikan seperti bencana alam yang berlaku di dalam dan luar negara.
- Program-program pembangunan modal insan telah dan akan terus dirangka sebaik mungkin oleh HEP untuk menjadikan mahasiswa USIM unik dan dinamik berbanding mahasiswa universiti lain.
- Aktiviti-aktiviti yang dirancang adalah selaras dengan visi HEP iaitu melahirkan dan mendidik generasi yang mampu memartabatkan kecemerlangan ilmu dan memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia.



## BAB 8: SISTEM PENTADBIRAN DAN TADBIR URUS

Kejayaan sesebuah organisasi bukan sahaja bergantung kepada kecekapan staf semata-mata tetapi juga kecekapan sistem pentadbiran dan tadbir urus. Sistem pentadbiran dan tadbir urus yang cekap, telus berdasarkan dasar ataupun polisi yang kemas boleh melicinkan kerja-kerja pejabat, sistem penyampaian, pembuatan keputusan oleh pihak pengurusan dan juga meningkatkan kecekapan staf. Bagi memperkukuhkan sistem pentadbiran dan tadbir urus, langkah-langkah berikut akan diambil:

- Memastikan USIM mempunyai dasar, prosedur dan kaedah pemantauan yang jelas, kemas dan sistematik bagi membantu membuat keputusan yang baik, tepat pada waktu dan konsisten, dan melaksanakan keputusan tersebut dengan cekap dan berkesan.
- Menilai semula amalan-amalan yang berkaitan tadbir urus dan amalan terbaik (*best practices*) agar selari dan sepadan dengan Visi, Misi dan Matlamat USIM.
- Melaksanakan dengan bersungguh-sungguh rangka kerja PIN USIM yang merangkumi dua bahagian iaitu PIN Teknikal (Pentadbiran) dan PIN Teknikal (Pelajar).
- Memperkemas urus setia PIN USIM bagi merancang dan memantau perlaksanaan PIN di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Teknikal.

- Memastikan sistem penyampaian USIM dilaksanakan berdasarkan amalan terbaik (*best practice*) dalam semua urusan pentadbiran sama ada urusan berkaitan pelajar, pembekal khidmat mahupun masyarakat.
- Memastikan semua sistem pentadbiran dan tadbir urus USIM dilaksanakan dengan menggunakan ICT.
- Memastikan keperluan pemilik taruh dapat disempurnakan sepenuhnya dan sistem pentadbiran dan tadbir urus USIM mendapat pengiktirafan dalaman, kerajaan, badan profesional dan antarabangsa.

### 8.1 Memastikan semua fungsi utama mendapat pengiktirafan ISO 9001

- USIM telah pun memperoleh sijil ISO 9001:2000 pada tahun 2004 untuk sebahagian sistem pentadbirannya. Dengan memperoleh sijil ISO tersebut, sistem pentadbiran USIM dapat



dipertingkatkan untuk semua pihak yang berurusan dengannya, khasnya pelajar, KPT dan pihak-pihak lain. Sijil-sijil ISO lain seperti ISO 14001, MS 1900:2005 akan diusahakan supaya sistem pentadbiran USIM adalah sentiasa cekap dan berjalan lancar.

- Melaksanakan amalan jaminan kualiti bagi sektor pentadbiran dan akademik di semua peringkat: kursus, program dan Fakulti/Pusat.
- Memastikan data induk USIM bagi sistem **SETARA, MyMOHES, HRMIS** dan Laman Web USIM sentiasa tepat, terkini dan mudah dicapai.



### 8.2 Memperkemaskan dasar, prosedur dan kaedah penilaian agar jelas dan konsisten

- Bagi memastikan sistem pentadbiran yang mantap, maka dasar-dasar berkaitan aktiviti pentadbiran dan tadbir urus diwujudkan. Kesemua dasar dan prosedur akan dijadikan sebagai panduan oleh staf pentadbiran dan akademik semasa

menjalankan tugas masing-masing. Setiap dasar, prosedur dan kaedah penilaian akan diperkemas dari semasa ke semasa supaya jelas dan konsisten untuk memastikan tiada kekeliruan yang akan timbul semasa menjalankan tugas oleh semua staf akademik dan pentadbiran USIM.

### 8.3 Pembaikan berterusan

- Kesemua dasar dan prosedur akan dikaji secara berterusan supaya ia adalah sentiasa relevan untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi staf dan sistem pentadbiran di USIM. Hal ini adalah perlu untuk menghadapi cabaran-cabaran dan perubahan dari semasa ke semasa, juga untuk memastikan supaya visi, misi dan objektif USIM mudah dicapai.
- Bagi memastikan sistem pentadbiran dan tadbir urus sentiasa cekap dan berada di tahap tinggi, buku panduan yang mengandungi kesemua dasar, prosedur dan kaedah penilaian akan diedarkan kepada semua staf USIM.
- Audit akan dijalankan ke atas sistem pentadbiran dan tadbir urus untuk memastikan kesemuanya berjalan mengikut dasar dan prosedur yang telah ditetapkan. Hasil audit akan digunakan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam sistem pentadbiran dan tadbir urus. Staf akan digalakkan untuk memberi input yang bernas untuk meningkatkan kualiti, keupayaan dan kecekapan sistem pentadbiran dan penyampaian.

### 8.4 Melaksanakan sistem denda dan ganjaran

- Sistem ganjaran dan denda akan diperkenalkan untuk memastikan seluruh sistem pentadbiran

di USIM adalah cekap. Staf yang menunjukkan komitmen yang tinggi untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran akan diberi ganjaran sewajarnya. Denda akan dikenakan jika didapati staf dengan sengaja tidak mematuhi peraturan ataupun prosedur yang ditetapkan. Latihan yang relevan untuk semua peringkat staf akan diberikan untuk menjalankan tugas dengan cekap. Penerangan tentang dasar dan prosedur akan diberi dalam semua kursus yang diikuti oleh staf USIM.

### 8.5 PIN dan sistem penyampaian – kebolehpercayaan, telus dan akauntabiliti

- Pelan Integriti Nasional (PIN) akan dilaksanakan sepenuhnya untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dan tadbir urus. Untuk memastikan sistem penyampaian yang cekap dan telus, desentralisasi dan *empowermen* (penurunan kuasa dan akauntabiliti) kepada ketua jabatan akan dilaksanakan selari dengan objektif PIN.
- Untuk meningkatkan sistem penyampaian, desentralisasi tugas, kuasa berserta akauntabiliti akan dilaksanakan. Ketua jabatan akan diberi penurunan kuasa dengan kuasa tertentu untuk membuat keputusan dengan segera. Desentralisasi dan *empowermen* dibuat untuk memastikan kecekapan sistem pentadbiran dan penyampaian di USIM adalah telus dan boleh dipercayai.
- Melalui desentralisasi dan *empowermen*, akauntabiliti ketua jabatan dan staf akan dipertingkatkan. Sistem pemantauan akan dilaksanakan supaya ketua jabatan melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan sempurna. Matlamat utama ialah untuk menghasilkan sistem pentadbiran yang boleh dipercayai, telus dan staf yang mempunyai akauntabiliti yang tinggi.





CENSELORI

**BAB 9: PRASARANA DAN FASILITI****9.1 Pengenalan**

USIM komited dalam meneruskan agenda pembangunan dan memacu universiti ke arah kecemerlangan melalui pembangunan prasarana dan fasiliti yang sesuai dan mencukupi. Aspek prasarana yang merangkumi infrastruktur



berbentuk fizikal mahupun bukan fizikal telah dikenal pasti oleh USIM sebagai salah satu faktor yang kritikal bagi menjayakan transformasi USIM sebagai salah sebuah pusat pengajian tinggi selaras dengan pelan tindakan pengajian tinggi negara. Infrastruktur fizikal adalah termasuk kemudahan untuk Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), kediaman, kemudahan rekreasi dan pengangkutan bagi pelajar dan seluruh warga kerja USIM. Manakala infrastruktur bukan fizikal adalah seperti kemudahan

perisian teknologi maklumat dan komunikasi, kerangka dan dasar, pembangunan kurikulum dan pedagogi serta latihan untuk kakitangan. Semua teras hala tuju dan strategi USIM bergantung penuh pada kewujudan kemudahan prasarana yang mencukupi keperluan dan fungsional, penggunaan sumber secara optimum, penyelenggaraan dan kenaikan taraf kemudahan sedia ada. Untuk merealisasikan matlamat ini, USIM telah menggariskan lima pelan strategi berikut:

**1) ICT – berperanan sebagai pemberdaya (enabler) unggul**

- Selaras dengan strategi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) untuk mengarusperandakan teknologi maklumat dan komunikasi, USIM akan terus mempergiatkan usaha untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan ICT secara meluas serta menggalakkan penerimaan dan penggunaan ICT yang lebih menyeluruh dalam modus operandi universiti.
- USIM berusaha untuk melengkapkan kemudahan sistem ICT yang mampu berperanan secara efektif dalam mengumpul data, memproses dan menyediakan maklumat. Kemudahan sistem ICT untuk mengakses kepada maklumat dan pangkalan data akan sentiasa dipertingkatkan mutunya agar perkongsian maklumat dan pengetahuan di kalangan warga USIM dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan cekap.
- Beberapa langkah juga akan diambil untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi ICT di kalangan kakitangan dan pelajar melalui siri latihan

dari semasa ke semasa supaya kemudahan sistem ICT yang disediakan dapat digunakan secara optimum.

- Dalam masa yang sama, USIM akan sentiasa memastikan kemudahan sistem ICT dilengkapi dengan sistem keselamatan yang berkesan bagi menjamin kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat dan sistem maklumat dalam talian.

## 2) Membangun kemudahan fizikal yang sesuai dan mencukupi

- USIM yakin bahawa pembangunan kemudahan-kemudahan fizikal asas yang sesuai dan mencukupi keperluan merupakan faktor yang sangat kritikal dalam menjayakan proses transformasi pengajian tinggi.
- Dalam tempoh 2008-2012, USIM mendasarkan setiap Fakulti atau Pusat mempunyai kemudahan fizikal sendiri yang lengkap dan sesuai dengan keperluan Pengajaran dan Pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran. Perancangan dan pemantauan terhadap pembinaan bangunan-bangunan fakulti, pusat dan pentadbiran akan sentiasa dilakukan agar ia dapat disiapkan dengan sempurna dalam tempoh yang sesuai, sentiasa berfungsi, selamat dan selesa untuk didiami.
- Kemudahan penginapan untuk pelajar di kawasan penempatan yang berhampiran juga akan turut diberi perhatian kerana ia mampu menjadi daya tarikan dan nilai tambah untuk pelajar dalam dan luar negara mengikuti pengajian di USIM.



- Kesesuaian kemudahan-kemudahan ini akan sentiasa diperhalusi bagi memastikan sumber peruntukan dapat digunakan secara optimum. Pembangunan kemudahan tambahan akan dilaksanakan agar ia sentiasa mencukupi keperluan yang semakin bertambah dengan meningkatnya jumlah kakitangan dan pelajar.

## 3) Mewujudkan suasana intelektual melalui pembangunan yang terancang

- Kemudahan prasarana untuk kakitangan USIM seperti ruang pejabat dan bilik yang selesa adalah penting dalam menghasilkan persekitaran kerja yang kondusif seterusnya meningkatkan tahap produktiviti di kalangan kakitangan USIM.
- Aspek seni bina dan landskap yang menarik dan sesuai dengan imej universiti akan diambil kira dalam pembangunan infrastruktur kerana mampu mewujudkan suasana intelektual.
- Di samping itu, kemudahan perpustakaan yang lengkap turut mampu menggalakkan penghasilan

mutu pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang tinggi. Untuk menjayakan objektif tersebut, USIM akan memperbanyakkan bilangan koleksi bahan rujukan termasuk kemudahan-kemudahan sistem pencarian maklumat yang terkini.


#### 4) Menyediakan fasiliti pembelajaran yang sesuai dan mencukupi, termasuklah 'hardware' dan 'software'

- USIM berusaha membangunkan kemudahan fasiliti pembelajaran yang sesuai dan mencukupi keperluan. Dewan kuliah dan bilik-bilik kelas yang mencukupi dan selesa adalah faktor penting bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan sempurna.
- Dewan-dewan kuliah dan bilik-bilik kelas akan dilengkapi dengan semua kemudahan asas serta alat-alat bantuan mengajar seperti perkakasan komputer dan elektronik, dan perisian-perisian komputer yang sesuai yang mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.
- USIM akan memastikan jumlah komputer yang ada untuk para pelajar dan kakitangan sentiasa berada pada kadar nisbah yang sesuai dan mencukupi.



#### 5) Mencerminkan martabat Islam yang suci lagi mulia melalui kemudahan dan prasarana fizikal

- Sesuai dengan kedudukannya sebagai universiti yang menjadikan Islam sebagai asas pendidikan, USIM akan memastikan prasarana dan fasiliti yang dibangunkan mampu mencerminkan kemurnian Islam melalui pembangunan yang terancang, bersesuaian dengan kehendak syariat dan bertepatan dengan keperluan.
- Pembangunan yang terancang mampu menghasilkan sistem infrastruktur yang sempurna sekali gus mengelakkan berlakunya gangguan dalam kelancaran operasi. Tugas-tugas harian kakitangan dan sesi pembelajaran para pelajar dapat berjalan dengan lancar apabila keperluan semasa mereka mencukupi.
- Pembaziran dan juga kewujudan fasiliti yang kurang-penggunaan (underutilised) dapat dielakkan apabila sesuatu fasiliti itu dibangunkan menurut keperluan semasa.
- Tujuan dan matlamat fasiliti yang dibangunkan itu juga perlu selaras dengan kehendak syariat Islam dan mampu membantu kakitangan dan pelajar dalam membina keperibadian dan akhlak yang mulia.



**Pelan Tindakan Jangka Pendek  
2008 - 2012**



**Rangka Pelan Pelaksanaan Strategi USIM 2008 - 2012**

TERAS	MATLAMAT	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	OUTPUT/ KPI
<b>TERAS I:</b> MELUASKAN AKSES DAN MENINGKATKAN EKUITI	1. Membuka peluang dengan lebih luas untuk calon SMA masuk ke USIM khususnya bagi program-program kritikal.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membina imej dan keterampilan USIM sebagai sebuah IPTA berteraskan pendidikan Islam yang maju dan terkehadapan.</li> <li>Meningkatkan kempen dan promosi kepada kumpulan sasar, melalui media dan kaedah yang sesuai di sekolah/kolej matrikulasi.</li> <li>Menjalinkan kerjasama dan hubungan strategik dengan pihak-pihak berkepentingan di peringkat KPM, Penguasa Sekolah, PIBG.</li> </ul>	TNC(AA)/ Bahagian Akademik	<ul style="list-style-type: none"> <li>100% kemasukan adalah calon pilihan pertama USIM (Nisbah Kemasukan 1:1)</li> <li>60% kemasukan adalah calon STAM</li> </ul>
	2. Meningkatkan bilangan calon kemasukan yang mempunyai kelayakan yang sesuai dan prestasi akademik terbaik.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi peluang yang luas kepada pelbagai sumber kemasukan (kes khas).</li> <li>Memberi kemudahan dan persediaan secukupnya di peringkat Universiti (Tamhidi).</li> <li>Menyemaksemuladanmemperkemaskan kurikulum STAM dan persediaan peringkat sekolah.</li> </ul>	TNC(AA)/ Bahagian Akademik	<ul style="list-style-type: none"> <li>25% kemasukan adalah calon mempunyai PNGK =&gt; 3.50).</li> <li>50% kemasukan adalah calon mempunyai PNGK =&gt; 3.00.</li> </ul>
	3. Meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kempen dan promosi kepada kumpulan sasar, melalui media dan kaedah sesuai, pada peringkat antarabangsa.</li> <li>Menggiatkan lagi program pemindahan kredit antarabangsa.</li> </ul>	PPSHK	<ul style="list-style-type: none"> <li>20% kemasukan peringkat prasiswazah adalah calon antarabangsa.</li> <li>50% kemasukan peringkat siswazah adalah calon antarabangsa.</li> </ul>
	4. Mewujudkan lebih banyak peluang pembelajaran sepanjang hayat yang sesuai kepada semua golongan .	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan 'bridging program' kepada calon kurang layak.</li> <li>Mewujudkan program francais/kolej bersekutu.</li> <li>Mewujudkan program jarak jauh/ pembelajaran di rumah</li> </ul>	(PROG PASCA SISWAZAH)  - TNC(AA)/PPS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua bidang bukan kritikal.</li> <li>Nisbah pelajar luar kampus : dalam kampus adalah 1:1.</li> </ul>


TERAS	MATLAMAT	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	OUTPUT/KPI
<p><b>TERAS II:</b> M A N A M B A H BAIK KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN</p>	<p>1. Memperkasakan program pengajian, menjadikannya program berdaya maju (<i>high exchange</i>), berupaya melahirkan graduan selari dengan matlamat USIM, dan mencapai tahap pengiktirafan profesional dan antarabangsa.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan kandungan program pengajian menepati falsafah pendidikan USIM (teori dan amal; ilmu naqli dan akli), mempunyai ciri-ciri berbidang luas, berteraskan pendidikan Islam, kontemporari, menyerap aspek-aspek kemahiran insaniah (KI) dan memenuhi keperluan industri.</li> <li>Memastikan program pengajian menekankan penguasaan bahasa utama – Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, dan praktikal melalui Latihan Industri.</li> <li>Memastikan penggubalan program mengikut keperluan, kaedah dan format yang ditetapkan.</li> </ul>	<p>TNC(AA)/ Bahagian Akademik/Fakulti/ Pusat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>100% program pengajian diiktiraf JPA, MQA, badan profesional (yang mana relevan), dan antarabangsa.</li> <li>75% graduan bekerja/berniaga/ sambung pengajian 6 bulan selepas tamat pengajian.</li> <li>100% graduan mendapat MUET=&gt; Band 3.</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan program pengajian mendapat pengiktirafan kerajaan, badan profesional, industri dan antarabangsa, melalui proses pemoderatan, penilaian luar dan program pertukaran pelajar (UMAP).</li> <li>Melaksanakan audit akademik (dalaman) secara berkala dan memastikan fakulti membuat pembaikan berterusan.</li> <li>Melantik pemoderat, penilai luar, panel penasihat Fakulti, dan juruaudit akademik.</li> </ul>		
	<p>2. Menggemilangkan proses pengajaran dan pembelajaran sehingga menjadi kelebihan persaingan bagi USIM.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan bilangan pensyarah berbanding pelajar berada pada tahap bersesuaian mengikut bidang pengajian.</li> <li>Memastikan bilangan pensyarah berkelayakan maksimum berada pada tahap memuaskan.</li> </ul>	<p>TNC(AA)/Unit Latihan/Fakulti/ Pusat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nisbah pensyarah: pelajar yang minimum*.</li> <li>70% pensyarah mempunyai kelayakan Ph.D/ Profesional.</li> </ul>

TERAS	MATLAMAT	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	OUTPUT/KPI
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan semua kursus menggunakan kaedah pengajaran yang terkini, inovatif, dinamik dan relevan serta berkesan (PBL, SCL, EBM, OBL, Coaching, dll.) dan aspek kemahiran insaniah (KI) diterapkan.</li> <li>• Memastikan pensyarah mengikuti program latihan secara sistematik (PLSS) bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran P&amp;P, dan membina sikap profesional.</li> <li>• Menyediakan prasarana dan kemudahan pengajaran pembelajaran yang bersesuaian dan menepati keperluan termasuk ICT (hardware dan software), perpustakaan, fizikal, dan bilangan pensyarah dalam dan luar negara.</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 25% graduan teratas mendapat PNGK =&gt;3.50.</li> <li>• 70% graduan teratas mendapat PNGK =&gt; 3.00</li> </ul>
	<p>3. Mengemas kini struktur dan meningkatkan keberdayaan penyampaian P&amp;P</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaik taraf Unit Ko-Kurikulum kepada Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (<i>Centre For The Development of Soft Skills - CenDESS</i>) yang memberikan penekanan bukan sahaja terhadap penyampaian kursus ko-kurikulum tetapi juga memupuk serta memberdayakan pelajar dalam semua aspek kemahiran insaniah (KI).</li> <li>• Menubuhkan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Termaju (<i>Centre for Advanced Teaching and Learning - CATL</i>) bagi membangunkan modal insan dan memajukan kaedah P&amp;P yang merangkumi <i>hardware</i> dan <i>software</i>, sebagai alat mencapai kelebihan kompetitif USIM.</li> </ul>	TNC(AA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan CenDESS</li> <li>• Penubuhan CATL</li> </ul>

TERAS	MATLAMAT	PELAKSANAAN	TINDAKAN	OUTPUT/KPI
<b>TERAS III:</b> MEMBINA DAN MENGEMBANGKAN BUDAYA 3PK (PENYELIDIKAN, PENERBITAN, PERSIDANGAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT)	<b>A. PENYELIDIKAN</b> 1. Menyemai, meningkatkan dan mengembangkan budaya penyelidikan melalui program terancang, galakan dan sokongan yang bersesuaian. 2. Memberi tumpuan kepada kekuatan untuk membina gugusan penyelidikan yang mempunyai impak tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti bidang teras penyelidikan, dan setiap Fakulti/Pusat mempunyai program penyelidikan berdasarkan bidang teras.</li> <li>Memberikan sokongan sewajarnya kepada pensyarah yang ingin menjalankan penyelidikan.</li> <li>Memberikan galakan dan insentif kepada penyelidik yang menyiapkan penyelidikan dengan jaya.</li> <li>Mewujudkan sistem bimbingan penyelidikan kepada penyelidik muda melalui program latihan secara sistematik (PLSS) dan perantis.</li> <li>Sinergi penyelidikan dengan penerbitan, persidangan dan P&amp;P.</li> </ul>	TNC (AA)/ PPPP/ Fakulti/ COE	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hasil penyelidikan yang boleh dipamerkan.</li> <li>Nisbah Projek penyelidikan (siap):Pensyarah = 1:3</li> </ul>
	<b>B. PENERBITAN</b> 1. Memastikan penerbitan boleh dijadikan sebagai kaedah utama membina reputasi bagi USIM sebagai IPTA unggul. 2. Memberikan fokus kepada penerbitan yang mempunyai impak tinggi (makalah, buku teks dan buku rujukan).	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap Fakulti/Pusat mempunyai program penerbitan.</li> <li>Memberikan galakan dan sokongan sewajarnya kepada pensyarah yang ingin menerbitkan hasil karya.</li> <li>Mewujudkan sistem bimbingan penerbitan kepada pengarang muda melalui program latihan secara sistematik (PLSS).</li> <li>Sinergi penerbitan dengan penyelidikan, persidangan dan P&amp;P.</li> </ul>	TNC (AA)/Unit Penerbitan/Fakulti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nisbah Penerbitan: Pensyarah = 1:1.</li> <li>Nisbah Penerbitan: Penyelidikan= 2:1</li> </ul>

TERAS	MATLAMAT	PELAKSANAAN	TINDAKAN	OUTPUT/KPI
	<p><b>C. PERSIDANGAN</b></p> <p>1. Memastikan persidangan boleh dijadikan sebagai kaedah utama membina reputasi bagi USIM sebagai IPTA unggul.</p> <p>2. Memberikan fokus kepada persidangan yang mempunyai sinergi dengan penyelidikan dan penerbitan dalam bidang kepakaran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap Fakulti/Pusat mempunyai program persidangan (menganjur atau membentang kertas kerja).</li> <li>Sinergi persidangan dengan dengan 'niche' penyelidikan, penerbitan dan P&amp;P.</li> </ul>	TNC(AA)/Fakulti/ PPPP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nisbah Persidangan: Penyelidikan = 2:1</li> </ul>
	<p><b>D. KHIDMAT MASYARAKAT</b></p> <p>1. Memastikan khidmat kemasyarakatan boleh dijadikan sebagai kaedah utama membina reputasi bagi USIM sebagai IPTA unggul.</p> <p>2. Memberikan fokus kepada khidmat kemasyarakatan yang mempunyai sinergi dengan penyelidikan, penerbitan dan persidangan dalam bidang 'niche' atau kepakaran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan keanggotaan atau penglibatan secara bermakna kakitangan akademik dalam badan-badan profesional.</li> <li>Memastikan penglibatan secara bermakna kakitangan akademik dalam menyumbang kepakaran bidang masing-masing.</li> </ul>	TNC (AA)/Fakulti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap pensyarah menjadi ahli yang aktif atau terlibat secara bermakna, bagi dua badan profesional bidang masing-masing.</li> <li>Setiap pensyarah terlibat secara aktif dan bermakna dalam menyumbang kepakaran melalui penulisan atau daya usaha.</li> </ul>

TERAS	MATLAMAT	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	OUTPUT/KPI
<p><b>TERAS IV:</b> MEMBANGUN DAN MEMPERKASAKAN P U S A T KECEMERLANGAN (CENTER OF EXCELLENCE - COE)</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewujudkan pusat kecemerlangan yang berfungsi sebagai peneroka sempadan ilmu, memahami serta menyelesaikan masalah Islam dan masyarakat, bagi setiap bidang (fakulti) yang ada di USIM.</li> <li>2. Membangun dan menggalakkan COE yang bertaraf antarabangsa dan berdaya maju yang boleh menyumbang kepada ilmuwan berkepimpinan Islam dan menjadi rujukan dalam negara dan seluruh dunia.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantapkan pengurusan COE sedia ada.</li> <li>• Mewujudkan jaringan dan kerjasama rapat USIM-Industri, dan jaringan kerjasama dengan institusi antarabangsa.</li> <li>• Mewujudkan kursi di pusat kecemerlangan</li> <li>• Mengukuhkan Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam</li> </ul>	<p>Pengarah COE</p>	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan fakulti ke arah menubuhkan pusat kecemerlangan dalam bidang tujahan universiti berdasarkan garis panduan dan kriteria yang ditetapkan.</li> <li>• Menubuhkan Institut Kepimpinan Islam</li> <li>• Menubuhkan Institut Penyelidikan Hab Halal</li> <li>• Menubuhkan Institut Penyelidikan Penyelewengan dan Pemulihan Akidah</li> <li>• Menubuhkan Institut Pentafsiran Al-Quran dan Hadis</li> <li>• Menubuhkan Institut Kajian Undang-undang Syariah dan Perbandingan Antarabangsa</li> </ul>	<p>Fakulti-fakulti</p>	



TERAS	MATLAMAT	PELAKSANAAN	TINDAKAN	OUTPUT/KPI
<b>TERAS V:</b> MEMPERKASAKAN MODAL INSAN MINDA KELAS PERTAMA	<b>PELAJAR</b> 1. Melahirkan graduan yang seimbang, berilmu, berdisiplin dan bertakwa, dan memiliki serta mengguguli kemahiran insaniah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan program kemahiran insaniah melalui P&amp;P sama ada secara <i>stand-alone</i> ataupun serapan (<i>embedded</i>).</li> <li>Memastikan pelajar menguasai pengetahuan dan sekurang-kurangnya 2 bahasa selain bahasa ibunda.</li> <li>Memastikan program pengajian menepati kehendak dan keperluan jaminan kualiti.</li> </ul>	TNC (AA) melalui P&P	<ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; 75% Penarafan oleh Pelajar</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan program-program hal ehwal pelajar yang membentuk sahsiah dan disiplin.</li> <li>Mengadakan suasana kehidupan bermasyarakat yang membolehkan pelajar mengolah fikiran, rasa dan raga bagi mempersiapkan diri untuk menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.</li> </ul>	TNC (HEPA) melalui aktiviti hal ehwal pelajar dan alumni	<ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; 75% Penarafan oleh Pelajar</li> </ul>
	<b>PENSYARAH</b> 1. Membangun tenaga akademik yang CGT dalam P&P dan 3KP. 2. Membentuk kepimpinan yang berupaya meneruskan penerajuan USIM ke arah CGT.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalankan PLSS yang bersesuaian bagi meningkatkan pengetahuan, mengukuhkan profesionalisme, dan memupuk sikap positif terhadap profesion.</li> </ul>	BSM (Pendaftar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>&gt;75% mengutip 100% mata CPD Skor LNPT &gt; 75%</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan bilangan pensyarah yang mencukupi bagi setiap bidang.</li> <li>Memastikan tenaga akademik USIM mempunyai kelayakan tertinggi (PhD dan Profesional) sama ada melalui pengambilan ataupun cuti belajar.</li> <li>Memastikan tenaga akademik menguasai tiga bahasa termasuk bahasa ibunda.</li> </ul>	Fakulti/Pusat	<ul style="list-style-type: none"> <li>&gt;70% PhD</li> </ul>


TERAS	MATLAMAT	PELAKSANAAN	TINDAKAN	OUTPUT/KPI
	<p><b>STAF P&amp;P DAN SOKONGAN</b></p> <p>1. Membina dan mengekalkan pasukan kerja (staf) yang CGT dalam penyampaian perkhidmatan.</p> <p>2. Memupuk di kalangan staf, daya kepimpinan yang CGT dalam meneruskan keunggulan USIM.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan pengambilan anggota yang cemerlang dan seimbang dalam semua aspek fizikal, mental dan rohani.</li> <li>Memastikan semua staf mengetahui dan menghayati aspirasi negara, dan VMM USIM.</li> <li>Menyedia dan melaksanakan "succession plan" bagi jawatan-jawatan utama.</li> <li>Membuat perancangan(gap analysis) yang kemas berdasarkan keperluan bagi semua jawatan kritikal.</li> </ul>	BSM (Pendaftar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Skor LNPT &gt; 75%</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalankan PLSS yang bersesuaian dengan peringkat jawatan bagi meningkatkan pengetahuan, mengukuhkan profesionalisme, dan memupuk sikap positif terhadap tugas dan tanggungjawab.</li> <li>Memastikan staf menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa kedua (B. Inggeris).</li> </ul>	BSM (Unit Latihan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>&gt;75% mengutip 100 mata CPD</li> </ul>

TERAS	MATLAMAT	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	OUTPUT/KPI
<b>TERAS VI</b> MEMPERKUKUH SISTEMPENTADBIRAN DAN TADBIR URUS	1. Memastikan USIM mempunyai dasar, prosedur dan kaedah pemantauan yang jelas, kemas dan sistematik bagi membantu membuat keputusan yang baik, tepat pada waktu dan konsisten, dan melaksanakan keputusan tersebut dengan cekap dan berkesan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai semula amalan-amalan yang berkaitan tadbir urus dan amalan terbaik agar ianya selari dan sepadan dengan VMM USIM.</li> <li>Melaksanakan dengan bersungguh-sungguh rangka kerja PIN USIM yang merangkumi dua bahagian – PIN Teknikal (Pentadbiran) dan PIN Teknikal (Pelajar).</li> <li>Memperkemas urus setia PIN USIM bagi merancang dan memantau pelaksanaan PIN di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Teknikal.</li> </ul>	Urus setia PIN (PMO)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus 100% Audit Pengurusan (Dalaman) ke atas semua sistem dan proses pentadbiran USIM.</li> </ul>
	2. Memastikan sistem penyampaian USIM dilaksanakan berdasarkan amalan terbaik ( <i>best practice</i> ) dalam semua urusan pentadbiran sama ada urusan berkaitan pelajar, pembekal khidmat mahupun masyarakat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan semua sistem pentadbiran dan tadbir urus USIM dilaksanakan dengan menggunakan ICT.</li> </ul>	PPITM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua EMS USIM berjalan dengan berkesan dan memenuhi kehendak pengguna (berupaya menjana laporan yang diperlukan). Semua fungsi utama USIM mendapat sijil ISO 9001</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan setiap fungsi utama mendapat pengiktirafan ISO 9001.</li> <li>Melaksanakan amalan penambahbaikan berterusan.</li> <li>Melaksanakan amalan jaminan kualiti bagi sektor pentadbiran.</li> </ul>	PPSHK (Jaminan Kualiti)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nisbah Staf Pentadbiran: Pelajar adalah lebih baik berbanding industri.</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan amalan jaminan kualiti bagi sektor akademik di semua peringkat: kursus, program, Fakulti/Pusat</li> </ul>	Fakulti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua program pengajian mendapat pengiktirafan dalaman, kerajaan dan luar (profesional)</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan data induk USIM bagi sistem SETARA, MyMOHES, HRMIS, dan Laman Web USIM sentiasa tepat, terkini dan mudah dicapai.</li> </ul>	TNC(AA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada rungutan dari MQA, KPT, JPA dan Pelayar Web USIM.</li> </ul>

TERAS	MATLAMAT	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	OUTPUT/KPI
<b>TERAS VII</b> MENYEMPURNAKAN PRASARANA DAN FASILITI	1. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pengguna sebagai sebuah institusi pendidikan berteraskan ajaran Islam, yang dilengkapi dengan kemudahan fizikal bagi P&P; kediaman, kemudahan rekreasi dan pengangkutan bagi pelajar, dan seluruh warga kerja USIM.  2. Menyediakan kemudahan rangkaian perhubungan ICT bagi seluruh warga USIM termasuk pelajar dan staf.  3. Menyediakan kemudahan di perpustakaan bagi menyokong dan memudahkan penyempurnaan tugas akademik termasuk P&P, penyelidikan dan penerbitan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapatkan peruntukan kewangan yang secukupnya:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi pembinaan kemudahan fizikal.</li> <li>Bagi pembangunan sistem ICT.</li> <li>Bagi kemudahan perpustakaan</li> </ul> </li> </ul>	Bendahari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan kewangan mencukupi</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan setiap Fakulti/Pusat mempunyai kemudahan fizikal sendiri yang lengkap dan sesuai dengan keperluan P&amp;P, penyelidikan dan pentadbiran.</li> <li>Merancang dan memantau pembinaan bangunan-bangunan fakulti/pusat/pentadbiran agar ia siap dengan sempurna dalam tempoh yang sesuai, sentiasa berfungsi dan selamat serta selesa didiami.</li> <li>Menyediakan kemudahan perumahan pelajar di kawasan penempatan yang berhampiran, sebagai daya tarikan dan nilai tambah untuk pelajar dalam dan luar negara mengikuti pengajian di USIM.</li> </ul>	Pengarah, Unit Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap Fakulti/Pusat/Unit Akademik mempunyai bangunan sendiri.</li> <li>Keupuasan pelanggan terhadap penyelenggaraan &gt; 75%</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan sistem perkhidmatan dan pengangkutan pelajar, yang cekap serta efisien kos, bagi dalam kampus dan antara kampus dengan tempat kediaman.</li> </ul>	Pendaftar (Unit Pengangkutan)	Tahap keupuasan pelanggan > 75%

TERAS	MATLAMAT	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	OUTPUT/KPI
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan kemudahan perpustakaan selengkapnya dengan memperbanyakkan bilangan koleksi bahan rujukan serta kemudahan P&amp;P dan penyelidikan.</li> </ul>	Ketua Pustakawan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemudahan terkini</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan kemudahan ICT selengkapnya kepada pelajar dan warga kerja, bagi tujuan P&amp;P, pentadbiran, pengurusan data serta perhubungan luar.</li> </ul>	Pengarah PPITM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nisbah Komputer: Pelajar</li> <li>Nisbah Komputer: Staf</li> <li>Semua Sistem berjalan lancar</li> </ul>





ISBN 978-983-2950-90-5



9 789832 950905

diraksa & dicetak oleh CETAK RATU SDN. BHD. 06-675 1935/36/37